

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

Jilid IV

Bil. 9

Hari Isnin

25hb Jun, 1990

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Foo Boon Liang

Y.B. Puan Hajjah Asmah binti Haji Ismail (Ruangan 1)

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN:

Y.B. Tuan Mohamed Farid bin Ariffin

Y.B. Tuan Ng Peng Hay (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan 1)

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 2)

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 3)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 4)

UCAPAN PERPISAHAN TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

(Ruangan 5)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 7)

USUL:

Merakamkan Perasaan Sedih atas Kematian Allahyarham

Y.A. Bhg. Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri

Malaysia dan Menyampaikan Ucapan Takziah kepada

Y.A. Bhg. Toh Puan Suhailah dan Keluarga (Ruangan 40)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Berita Nasional Malaysia (Pindaan) (Ruangan 56)

Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Jualan)(Pindaan) (Ruangan 73)

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan
(Pindaan) (Ruangan 94)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)(Ruangan 113)

DN.25.6.90

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 25hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Y.B. Tuan Foo Boon Liang

Y.B. Puan Hajjah Asmah binti Haji Ismail

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

Y.B. Tuan Mohamed Farid bin Ariffin (29.5.1990)

Y.B. Tuan Ng Peng Hay (29.5.1990)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar Cadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan itu. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih, dipilih semula dan dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlang.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut::

- (1) Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990;
- (2) Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1990;
- (3) Akta Seri Pahlawanan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990;
- (4) Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990;
- (5) Akta Pilihanraya (Pindaan) 1990;
- (6) Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1990
- (7) Akta Zon Bebas 1990;
- (8) Akta Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 1990;
- dan
- (9) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima sata Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"22hb Jun, 1990

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990);
- (2) Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Jualan) (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan);

- (9) Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Lembaga. Pelabuhan (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik; dan
- (13) Rang Uhdang-undang Bekalan Elektrik Syarikat Pengganti.

Yang ikhlas,

t . t .

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Dato' Dr . Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan Rang Undang-undang yang tersebut dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam mesyuarat ini:

- (1) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990);
- (2) Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Jualan) (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Institut Penyelidikan - dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);

- (7) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan
(Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik; dan
- (13) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik Syarikat Peng-
ganti.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah .

UCAPAN PERPISAHAN TUAN YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan penuh perasaan kesyukuran kepada Allah Subhaanahu Wa Ta'ala saya mengambil kesempatan di dalam Mesyuarat Dewan hari ini iaitu pada 8hb Julai, 1990 akan datang, iaitu di dalam tempoh beberapa hari lagi sahaja, saya akan tamat perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara setelah berkhidmat selama dua penggal iaitu 6 tahun. Pada tarikh yang sama juga maka berakhirlah perkhidmatan saya di dalam Dewan yang mulia ini sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara iaitu satu jawatan yang paling tinggi saya pernah sandangi dalam perkhidmatan saya di peringkat Kerajaan.

Sepanjang tempoh saya berkhidmat sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, saya telah dapat banyak pengalaman yang tidak ternilai yang saya anggap sebagai rahmat daripada Allah Subhaanahu Wa Ta'ala. Oleh kerana itu, saya ingin melafazkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalannya, Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar Baba yang telah memberi sokongan dan seterusnya memberi keyakinan kepada saya dapat menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Berikutan dengan jawatan yang penting ini, saya telah dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah bintang kebesaran iaitu Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri pada 7hb Jun, 1989 sempena menyambut Hari Keputeraan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dalam kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk merafakkan sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana anugerah Baginda itu.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada yang telah bersara ataupun yang masih berkhidmat di dalam Dewan yang mulia ini atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam menjalankan tugas saya atau di luar Dewan kerana dengan kerjasama dan pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang bijaksana itu telah meringankan beban yang mulanya saya anggap sebagai tugas yang amat berat sekali.

Di sini saya juga ingin mengucapkaa berbanyak-baayak terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menerima saya bukan sahaja sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara malah sebagai sahabat sepanjang tempoh saya bertugas di Parlimen ini. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Mentari-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen dan seluruh jentera Kerajaan, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan kerjasama mereka yang sungguh menggalakkan. Pendek kata, dengan sokongan dan kerjasama yang saya perolehi sepanjang tempoh saya berkhidmat di Parlimen dari Yang Berhormat-Yang Berhormat Jemaah Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan

pegawai-pegawai Kerajaan, khasnya pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen, saya telah dapat menjalankan tugas saya di Dewan yang mulia ini dengan sempurna. Alhamdulillah: Saya juga menghulur sepuluh jari untuk memohon ampun dan maaf dari Ahli-ahli. Yang Berhormat sekalian andainya ada kesalahan dan kesilapan yang telah saya lakukan .

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan iaitu petang hari esok saya akan berangkat ke Tanah Suci Mekah untuk menunaikan Fardhu Haji dan dalam tanpoh pemergian saya itu, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua akan menjalankan tugas saya di Dewan yang mulia ini dengan bantuan dari seorang Ahli lain.

Akhirnya, saya berdoa ke hadrat Allah Subhaanahu Wa Ta'ala semoga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan terus berkhidmat dengan cemerlang bagi memelihara maruah dan kedaulatan Dewan yang mulia ini supaya ianya akan sentiasa menjadi Dewan yang dihormati dan disegani di bawah Perlembagaan Negara Malaysia yang kita semua taati dan sayangi.

Sekian dimaklumkan, disudahi dengan ucapan "Selamat Berpisah, Selamat Berkhidmat dan Selamat Sejahtera." Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. **[Tepuk]**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH/PEJABAT AGAMA ISLAM NEGERI - KELEMAHAN

1. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauhmanakah Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri campurtangan mengenai kelemahan yang terdapat dalam pentadbiran Mahkamah Syariah dan Pejabat Agama Islam negeri-negeri iaitu :

- (a) peruntukan kewangan yang tidak mencukupi;
- (b) banyak kes-kes yang masih belum selesai;

- (c) bilangan hakim, pegawai pendakwa, pendaftar yang tidak mencukupi; dan
- (d) Mahkamah Syariah yang tidak selesa dan tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad

bin Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri telah berusaha untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran Mahkamah Syariah dan Jabatan Ugama Islam Negeri dengan cara memperakukan kepada Kerajaan supaya diadakan penyusunan semula struktur organisasi Mahkamah Syariah dan Jabatan Ugama Islam. Tujuan susunan semula ini ialah untuk menaikkan taraf jawatan dan memperkemarkan struktur organisasi supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Dari segi kewangan yang diperuntukkan kepada Jabatan Ugama Islam dan Mahkamah Syariah, ianya dipertimbangkan oleh Kerajaan berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh Jabatan tersebut dan kelulusannya tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Ini termasuklah peruntukan untuk membina mahkamah-mahkamah yang baru dan menyediakan alat-alat kelengkapan pejabat.

Mengenai dengan bilangan Hakim, Pegawai Pendakwa dan Pendaftar Mahkamah pula, Kerajaan akan mewujudkan jawatan-jawatan yang secukupnya dengan gred jawatan yang sesuai melalui penyusunan semula Mahkamah Syariah. Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri telah mendapat kerjasama daripada Universiti Islam Antarabangsa untuk melatih Kadi-kadi yang sedang berkhidmat dan siswazah-siswazah dalam bidang kehakiman syariah dengan tujuan untuk menyediakan tenaga manusia yang profesional bagi mengendalikan Mahkamah Syariah. Dengan itu, diharapkan Mahkamah Syariah akan dikendalikan dengan lebih berkesan lagi.

Puan Hajjah Habidah binti Jasoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan . Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan penyusunan semula pegawai-pegawai tadi. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengasingkan antara Pegawai Hal Ehwal Ugama Islam dengan adat-istiadat kerana terdapat. di setengah-setengah negeri Pesuruhjaya Hal Ehwal Ugama juga yang memegang jawatan adat-istiadat, Demikian juga dengan pegawai-pegawai yang lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, secara khusus tidak ada perkara ini difikirkan lagi tetapi dalam amalan kita menang Bahagian Islam di agensi-agensi Kerajaan daripada semasa ke semasa berusaha untuk mengenalpasti yang mana yang ada kaitan dengan nilai-nilai Islam yang tulen dan yang mana nilai-nilai tambahan yang muncul akibat daripada proses perkembangan kamasyarakatan atau suasana dalam negeri kita yang dimaksudkan dengan adat . Adat dan agama perlu diteliti supaya yang ugama itu akan terus diberi keutamaan dan adat itu hanya adalah sebagai untuk mengukuhkan ciri-ciri bagi mengekalkan kegemilangan ugama .

SIDANG KEMUNCAK G-15

2. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan dan perkembangan kemajuan hasil dari Sidang Kemuncak Kumpulan Perundingan dan Kerjasama Selatan-Selatan (G-15) yang telah diadakan pada 1hb hingga 3hb Jun, 1990.

8. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan bagi tuan rumah persidangan G-15 baru-baru ini;
- (b) apakah tajuk utama yang dibincangkan dalam persidangan tersebut; dan
- (c) apakah peranan yang dapat dimainkan oleh G-15 terhadap negara-negara anggotanya, dalam berbagai bidang.

14. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah fungsi sebenarnya Sidang Puncak G-15 itu;
- (b) sejauhmanakah Sidang Puncak G-15 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini telah mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- (c) setakat manakah Group of 15 itu merupakan satu tindakbalas ataupun saingan kepada Group of 7 terdiri daripada negara-negara maju.

17. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bidang-bidang komunikasi yang perlu diperbaiki atau ditubuhkan untuk mengeratkan lagi hubungan dua-hala di antara negara-negara Kumpulan G-15 dan mencapai objektif-objektifnya.

36. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Luar Negeri menyatakan persiapan yang telah dibuat menjelang sidang kemuncak K-15:

- (a) dengan kos begitu besar dan penglibatan tenaga dan masa begitu banyak, apakah faedah yang dapat dinikmati oleh rakyat dan negara terutamanya rakyat di luar bandar;
- (b) berapa ramaikah kedatangan orang-orang luar negeri yang terlibat dalam Persidangan K-15; dan
- (c) apakah pandangan perwakilan K-15, layanan dan keselamatan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia.

Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong, Yang Berhormat Dr. Ng Khok Kiung dan Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman yang mengemukakan soalan yang sama pada hari ini oleh kerana perkara ini adalah merupakan jawapan yang menyeluruh, jawapan saya mungkin agak panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Ketua-ketua Negara atau Kerajaan mengenai perundingan dan kerjasama Selatan-Selatan atau lebih dikenali sebagai Kumpulan G-15 ini secara ringkasnya ialah satu kumpulan yang terdiri dari beberapa negara-negara Selatan yang berpemikiran sama ke arah mempertingkatkan hubungan dan kerjasama Selatan-Selatan. Penubuhan kumpulan ini telah diumumkan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali ataupun Non-Aligned Movement, dengan izin, yang kesembilan yang telah diadakan di Belgrade berikutan dengan perbincangan di kalangan beberapa para pemimpin-pemimpin negara-negara Selatan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

G-15 ini. terdiri daripada 13 buah negara dari Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan dua buah negara membangun yang lain iaitu Brazil dan Mexico. Kesemua 15 buah negara ini pula adalah juga negara-negara anggota G-77. Perlu saya tekankan di sini bahawa walaupun pengumuman mengenai penubuhannya dibuat semasa Sidang Kemuncak Non-Aligned Movement ke-9 di Belgrade, G-15 bukanlah satu pertubuhan yang dihasilkan oleh Non-Aligned Movement. Ia lebih

merupakan satu kumpulan autonomos, negara-negara Selatan yang bersifat sebagai penggerak, ataupun dengan izin, cataliyst, kepada kerjasama Selatan-Selatan yang lebih berkesan dan bermakna. Sidang Kemuncak yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1hb hingga 3hb Jun baru-baru ini, merupakan sidang kemuncak perintis kumpulan tersebut di mana kita telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah.

Kumpulan G-15 ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

- (1) membentuk, melaksana dan mengawasi projek-projek untuk memupuk kerjasama Selatan-Selatan;
- (2) menjadikannya satu forum di mana perundingan mengenai kedudukan ekonomi dunia semasa dan kesan-kesannya ke atas negara-negara Selatan dapat diadakan secara berterusan dengan tujuan untuk mencapai sefahaman dan mencari kedudukan bersama; dan
- (3) untuk meninjau inisiatif-inisiatif berkaitan dengan kerjasama Utara-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi membentuk kerjasama Selatan-Selatan, Sidang Kemuncak itu, telah mempertimbangkan tiga belas projek Selatan-Selatan di mana tiga projek telah dikenalpasti untuk dilancarkan dengan serta-merta iaitu:

- (1) peraturan pembayaran secara dua-hala untuk memper-tingkatkan perdagangan antara dua negara di samping mengkaji satu peraturan pembayaran antara rantau ataupun region;
- (2) pusat pertukaran data mengenai pelaburan, perdagangan dan teknologi Selatan-Selatan; dan
- (3) forum perdagangan untuk mempertingkatkan kerjasama swasta.

Projek-projek satu dan dua telah dicadangkan oleh Malaysia sementara projek tiga adalah cadangan Yugoslavia. Sepuluh projek yang lain adalah cadangan daripada Indonesia, India, Zimbabwe, Argentina dan Yugoslavia dan telahpun diterima pada dasarnya untuk dikaji dengan lebih lanjut. Untuk tujuan ini negara-negara berkenaan akan mengadakan mesyuarat kumpulan pakar masing-masing. Saya juga ingin menegaskan bahawa projek-projek ini bukanlah untuk negara anggota kumpulan ini semata-mata bahkan dibuka untuk penyertaan negara-negara Selatan yang lain. Ketua-ketua Kerajaan atau Negara telah juga membincangkan secara meluas dan bermakna mengenai kedudukan ekonomi dunia, semasa dan kesan-kesannya ke atas negara-negara Selatan. Hasil perbincangan ini telah dirakamkan di dalam 'Joint Comraunique' Sidang Kemuncak tersebut. Namun begitu, izinkan saya menekankan bahawa para pemimpin berkenaan telah:

- (1) memberi pengesahan kepada adanya kaitan rapat di antara hutang negara, perdagangan, teknologi dan alam sekitar. Ini perlu disedari oleh negara-negara maju;
- (2) menyedari bahawa kemajuan ekonomi negara-negara dunia saling bergantung di antara satu sama lain dan sebarang penyelesaian masalah-masalah ekonomi perlu melibatkan komuniti antarabangsa secara menyeluruh; dan
- (3) keutamaan perlu diberi untuk membantu negara-negara membangun dalam bidang perdagangan, pembangunan, pemindahan teknologi, pinjaman kewangan secara konsesi dan sebagainya untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan sekaligus mempertingkatkan keupayaan mereka untuk menjelaskan hutang negara serta meninggikan taraf hidup.

Berhubung dengan hutang luar, dengan izin, external debts, Sidang Kemuncak ini menyedari bahawa pada keseluruhannya masalah hutang luar negara-negara Selatan secara umumnya disebabkan oleh faktor-faktor luar seperti kedudukan matawang yang tidak stabil dan kadar faedah yang sentiasa meningkat. Memandangkan masalah hutang luar merupakan masalah yang besar yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara Selatan-Selatan, Sidang Kemuncak itu telah menubuhkan satu Kumpulan Penasihat Kewangan untuk menganalisa dan mengemukakan pendekatan terhadap menyelesaikan segala masalah hutang luar negara-negara Selatan.

Selain daripada pencapaian di atas, Sidang Kemuncak itu juga merasakan perlunya dihidupkan kembali dialog Utara/Selatan. Dalam konteks ini Kumpulan ini merasakan ianya boleh memainkan peranan yang penting untuk menentukan dialog tersebut diadakan secara 'constructive' dan bermakna. Satu Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada Menteri-menteri Luar Malaysia, Senegal dan Venezuela telah juga ditubuhkan untuk mengendalikan tindakan-tindakan susulan sehingga ke Sidang Kemuncak yang akan datang yang akan diadakan di Caracas, Venezuela. Jawatankuasa Pemandu ini akan juga menentukan besarnya urusetia yang diperlukan dan juga di mana ianya berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbelanjaan, saya belum dapat memberitahu jumlah perbelanjaan yang sebenarnya kerana Kementerian Luar Negeri sedang menyediakan akaun sepenuhnya perbelanjaan yang telah diperbuat. Saya akan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebaik sahaja jumlah yang sebenarnya dapat ditentukan. Walau bagaimanapun, Kumpulan G-15 ini telah menunjukkan keyakinan terhadap kebolehan Malaysia mengelolakan Sidang Kemuncak perintis **ini**.

Dengan demikian, perbelanjaan yang kita keluarkan untuk mengelolakan Sidang Kemuncak ini perlulah dilihat sebagai mempertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan, khususnya dalam bidang ekonomi yang memang merupakan teras dasar hubungan luar negara kita. Dalam konteks ini tidaklah dapat dinafikan bahawa Sidang Kemuncak G-15 itu merupakan satu perkembangan yang penuh bermakna bagi negara-negara Selatan sejak Persidangan Bandung dalam tahun 1955.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kumpulan G-15 bukanlah bertujuan untuk bersaing dengan Kurapulan G-7. Malah seperti yang telah saya maklumkan sebentar tadi, Kumpulan ini menerima hakikat perlunya diteruskan dialog Selatan-Utara yang telah sekian lama tidak diadakan. Dalam konteks ini, usaha G-15 ke arah kerjasama Selatan-Selatan yang lebih berkesan akan menjadi satu faktor utama dalam menyediakan negara-negara Selatan untuk berdialog dengan negara-negara Utara.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya memang telah wujud sistem perhubungan di antara negara-negara membangun walaupun tidak sebaik atau seberkesan dengan apa yang terdapat dengan negara-negara maju yang agak memuaskan. Namun begitu pada keseluruhannya sistem yang ada sekarang sama ada dari segi hubungan telekomunikasi, penerbangan mahupun perkapalan masih boleh dan perlu diperbaiki khususnya hubungan di antara negara-negara yang jauh terpisah seperti di benua Afrika dan selatan Amerika. Di samping itu hubungan ini terpaksa melalui negara-negara Utara dahulu yang mengakibatkan perbelanjaan yang tinggi dan tidak efisien.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalatn ucapan pembukaannya di Sidang Kemuncak G.15 dahulu telah menyarankan supaya diadakan hubungan udara secara langsung di kalangan negara-negara Selatan di samping mengkaji potensi-potensi yang ada di dalam bidang komunikasi yang lain. Kemajuan dalam bidang ini adalah amat perlu memandangkan pentingnya hubungan ini di dalam menggalakkan pembangunan ekonomi, perdagangan dan juga dengan izin, cultural exchanges di kalangan negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai faedah Sidang Kemuncak **ini**, seperti yang telah saya huraikan pada awal tadi, matlamat kumpulan ini ialah untuk mempertingkatkan hubungan dan kerjasama Selatan-Selatan. Hubungan dan kerjasama yang lebih rapat dan lebih berkesan di antara negara-negara Selatan sudah tentulah akan membuka lebih

banyak peluang kerjasama seperti perdagangan, pelaburan, pembinaan teknologi dan sebagainya yang sudah semestinya akan menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan ekonomi sesebuah negara,

Berdasarkan kepada senarai rasmi delegasi yang ada, jumlah yang hadir di Sidang Kemuncak ini ialah 161 orang. Ini tidaklah termasuk kakitangan sokongan bagi tiap-tiap delegasi dan juga para wakil media massa yang datang untuk membuat liputan mengenai sidang tersebut yang mana jumlahnya sedang ditentukan.

Berkaitan dengan layanan dan keselamatan pula, kesemua negara yang mengambil bahagian di dalam Sidang Kemuncak ini telah rnenyatakan rasa puas hati mereka tentang layanan-layanan yang telah diberikan sepanjang mereka berada di Kuala Lumpur untuk Sidang Kemuncak tersebut. Malahan tidak kurang juga yang telah menyuarakan rasa kagum mereka di atas keupayaan negara kita mengelolakan Sidang Kemuncak tersebut dengan jayanya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya pun ada satu soalan mengenai G.15. Saya ingat ini sudah jawab bahagian (a) dan (b) tetapi (c), adakah G. 15 bercadang untuk menambah ahli-ahlinya supaya ia akan menjadi satu kuasa yang lebih kuat untuk diberi perhatian, belum dijawab,

Dato¹ Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas Soalan Ahli Yang Berhormat tersebut. Perkara ini adalah terserah kepada Ketua-ketua Negara dan Ketua-Ketua Kerajaan. Apabila G. 15 ini berjalan dengan baiknyanya maka saya percaya mereka akan raenimbangkan lain-lain negara. Tetapi sepertimana saya jelaskan sebentar tadi, walaupun Kumpulan digelar G.15 tetapi faedahnya adalah untuk seluruh negara-negara Selatan.

SYARIKAT PELABURAN TANPA LESEN SAH

3. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh alias Yusof** minta Menteri Kewangan menyatakan pernahkah Kerajaan membuat kajian yang mana terdapat syarikat-syarikat tertentu telah memberi keuntungan dan bonus bulanan dari 10% hingga 20% kepada ahli-ahli saham yang masuk syarikat yang berbentuk demikian secara tunai sebanyak beberapa ribu tertentu bagi mendapat keuntungan segera:

- (a) kalau ianya menguntungkan rakyat kenapa tidak dicari jalan membela syarikat-syarikat demikian bagi lebih meyakinkan;
- (b) kenapa syarikat-syarikat itu dapat memberi keuntungan secara bulanan sedangkan ASN & ASB berbuat demikian secara tahunan. Tidakkah boleh ASN dan ASB memberi bonus dan dividen secara bulanan juga kerana saham-saham yang dimasukkannya itu bukan dijual dan mendapat keuntungan setahun sekali bahkan dapat setiap hari/minggu/sebulan sekali; dan
- (c) apakah benar pendapat orang ramai bahawa Kerajaan terlampau banyak mengaut keuntungan dari skim ASN dan ASB dinisbahkan dengan pembahagian yang diberikan kepada ahli-ahli.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana kita senra maklum syarikat-syarikat pelaburan tanpa lesen yang sah yang dikatakan membayar pulangan yang tinggi kepada pelabur-pelabur mereka adalah menjalankan kegiatan atau aktiviti mereka secara sulit, tanpa rekod dan dokumen yang lengkap. Dengan demikian Kementerian Kewangan tidak dapat memastikan dengan jelas kegiatan

sebenar syarikat-syarikat tersebut. Apa yang jelas kepada Kementerian Kewangan ialah kegiatan-kegiatan syarikat-syarikat itu menyalahi undang-undang kerana melibatkan pengambilan deposit daripada orang ramai tanpa lesen yang sah.

Soal apa yang mereka lakukan dengan duit orang ramai yang diterimanya tidak dapat dipastikan kerana tiada dokumen yang tertentu dijelaskan mengenai kegiatan pelaburan mereka.

Sungguhpun kegiatan syarikat-syarikat seumpama itu dikatakan menguntungkan orang ramai tetapi Kerajaan tidak boleh membiarkan mereka terus bergerak kerana kegiatan mereka bertentangan dengan undang-undang yang ada. Sekiranya mereka jujur, mereka sepatutnya boleh menjalankan kegiatan itu mengikut cara yang dibenarkan oleh undang-undang. Kerajaan akan mengalu-alukan mana-mana syarikat yang berupaya memberi pulangan yang tinggi kepada pelabur-pelabur mereka.

- (b) Mengenai keuntungan secara bulanan yang diberikan oleh syarikat-syarikat seumpama itu, Kementerian kewangan tidak dapat memberi penjelasan kerana rekod-rekod mengenai kegiatan mereka tidak diketahui.

Amanah Sahat Nasional (ASN) membayar dividen dan juga bonus secara tahunan dan tidak secara bulanan adalah kerana:-

- (i) Pelaburan ASN di dalam syarikat-syarikat yang disebut harga dan tidak disebut harga di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah untuk jangka panjang. Ini bermakna pendapatan ASN adalah sebahagian besarnya daripada dividen atau keuntungan yang diumumkan oleh syarikat-syarikat tersebut. Sebagai institusi pelaburan jangka panjang, ASN tidak semata-mata bergantung kepada pendapatan jual-beli saham syarikat-syarikat tersebut. Sekiranya ini dilakukan ia akan menjejaskan keadaan pasaran saham.
- (ii) Kebanyakan syarikat-syarikat yang dilaburkan mempunyai tahun kewangan berakhir 31hb Disember. Ini bermakna keuntungan daripada syarikat-syarikat ini diumumkan pada akhir tahun kewangan. Oleh itu adalah tidak wajar bagi ASN mengumumkan dividen secara bulanan.

(iii) Sekiranya proses penghantaran dividen dibuat lebih dari sekali setahun ia akan melibatkan proses pentadbiran yang rumit di mana lebih 2.4 juta baucer dividen perlu dihantar secara berperingkat-peringkat. Proses sekarang memakan masa 3 bulan. Ini juga melibatkan kos yang tinggi iaitu termasuk kos setem, mencetak laporan dan baucer serta kos penyelenggaraan.

(c) Pembahagian pendapatan ASN hanya diagihkan kepada pelabur-pelabur ASN sahaja. Oleh itu pendapat orang ramai bahawa Kerajaan mengaut keuntungan dari skim ASN adalah tidak benar. Namun demikian bukan semua keuntungan yang diperolehi oleh ASN diagihkan kepada ahli-ahlinya kerana sebahagian daripadanya adalah perlu dikekalkan dengan ASN untuk membolehkan skim berkenaan berkembang bagi kebaikan jangka panjang.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, setakat ini sudahkah habis saham-saham ASN dijual? Kalau belum, berapa banyak saham lagikah yang masih ada? Dan adakah ASB juga akan memberi bonus dan dividen kepada ahli-ahli saham sebagaimana ASN?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan asas kepada soalan ini ialah berkenaan dengan syarikat pelaburan yang tidak mempunyai lesen. Jadi saya tidak boleh menjawab soalan ini kerana luar daripada soalan asas.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah benar skim ini mengancam skim ASN dan ASB dan sehingga ini berapa banyakkah syarikat seumpama ini yang dikenal pasti oleh Kementerian.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1986 hingga 1987, 33 buah syarikat telah diserbu oleh Bank Negara. Kebanyakan syarikat-syarikat itu telahpun berhenti beroperasi.

Kemudian pada 11hb Januari, 1990 yang lalu sebuah syarikat lagi telah didenda di mahkamah oleh kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah.

Sama ada syarikat ini boleh menjejaskan skim ASN dengan ASB kita tidak dapat menentukan dengan nyata kerana tidak ada perangkaan yang tepat berapa banyak orang ramai telah melabur di dalam syarikat-syarikat mengambil deposit tanpa lesen **ini**. Walau bagaimanapun Kerajaan akan memastikan mana-mana syarikat yang melanggar peruntukan undang-undang yang ada ini kita akan mengambil tindakan yang tegas.

KELAS TADIKA (TBK) DI LUAR BANDAR

4. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendirikan kelas-kelas persekolahan seperti TADIKA anjuran KEMAS di kawasan-kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang getah; dan
- (ii) sama ada Kementerian akan mengadakan peruntukan khas untuk memberi makanan, buku, alat-alat belajar dan permainan di kelas-kelas TADIKA anjuran KEMAS sebagai galakan kepada keluarga-keluarga miskin untuk menghantar anak-anak mereka ke TADIKA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Datuk Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, KEMAS telah menubuhkan TADIKA ataupun TBK bertujuan untuk memberi bimbingan pra sekolah pada kanak-kanak berumur 4 dan 6 tahun berasaskan kemahiran 3-M. Program ini meliputi semua kawasan seluruh negara dengan tumpuan utama di luar bandar.

Bagi soalan (ii), Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai peruntukan khas untuk membeli makanan, buku serta alat-alat pelajar di kelas-kelas TBK, KEMAS sebagai galakan kepada keluarga termiskin untuk menghantar anak-anak mereka ke TBK, KEMAS. Peruntukan ini merupakan tambahan kepada sebahagian daripada peruntukan perbelanjaan yang sedia ada.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini, berapakah kelas TADIKA telahpun dapat dijalankan di estet-estet?

Datuk Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, TADIKA KEMAS seperti yang saya katakan tadi adalah di luar bandar dan tidak diadakan di estet-estet.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jika ada permohonan daripada estet-estet untuk mendirikan kelas-kelas KEMAS **ini**, bolehkah Kementerian menimbangkannya?

Datuk Mohamed bin Jamrah: Kita akan pertimbangkan.

UMUR PERSARAAN PADA 40 TAHUN

5. **Tuan P. Balaram** minta Menteri menyatakan:

- (a) bilakah had umur persaraan 40 akan dikuatkuasakan oleh JPA; dan
- (b) bilakah pencen dan lain-lain faedah persaraan akan diberi kepada pesara yang bersara apabila umurnya di antara 40 - 50 tahun.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, umur persaraan pada 40 tahun akan dikuatkuasakan apabila Akta Pencen 1980 dan Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Berkanun 1980 dipinda di dalam Persidangan Parlimen akan datang seboleh-bolehnya.

Mengenai perkara yang kedua, butir-butir berkenaan bila pencen dan faedah persaraan akan diberi kepada pesara yang bersara selepas umur 40 tahun akan hanya ditentukan di dalam Akta-akta Pencen berkenaan yang akan dibentangkan di dalam persidangan Parlimen yang saya sebutkan tadi.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang kelayakan seseorang kakitangan Kerajaan untuk pencen yang penuh ialah mesti bekerja 25 tahun, Adakah kemungkinan untuk mengurangkan dari tempoh masa 25 tahun ke 20 tahun supaya seseorang kakitangan Kerajaan mempunyai kelayakan untuk pencen penuh?

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

FELDA - JUMLAH PENEROKA BERASAL DARI NELAYAN

6. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah peneroka FELDA yang datangnya dari sektor nelayan di seluruh negara mengikut negeri;
- (b) sejauhmanakah prestasi yang ditunjukkan oleh peneroka nelayan setelah mereka itu dialihkan corak hidupnya; dan
- (c) sejauhmanakah pihak Kerajaan telah mengetahui akan kesusahan hidup peneroka-peneroka nelayan FELDA Papulot di Gerik, Perak untuk meneruskan penghidupannya di rancangan tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi permasalahan itu supaya mereka tidak keluar dari rancangan yang tersebut itu.

Setiausaha Parlimen Kemeterian Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) jumlah peneroka FELDA yang berasal dari nelayan di seluruh negara mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil, Peneroka Berasal dari Nelayan_____
Perlis	4
Kedah	173
Perak	170
Selangor	37
N.Sembilan	138
Melaka	52
Johor	1,139
Pahang	2,035
Terengganu	845
Kelantan	136
Jumlah	4,729

- (b) prestasi peneroka yang berasal daripada nelayan boleh diukur berdasarkan latar belakang dan juga berdasarkan prestasi semasa. Sepertimana yang kita tahu pekerjaan asal mereka iaitu sebagai nelayan, hasil yang mereka dapati selalunya jauh lebih awal daripada hasil yang mereka dapati apabila mereka menjadi peneroka. Umpamanya kalau mereka turun ke laut waktu subuh mereka pulang waktu zohor, jualan dibuat pada waktu itu dan waktu malam mereka mendapat hasilnya. Tetapi apabila mereka menjadi peneroka, mereka terpaksa menunggu bertahun untuk mendapatkan hasil. Bagaimanapun walaupun ada resah dan ketidak sesuaian di kalangan mereka pada awalnya, tetapi FELDA memberi bimbingan kepada peneroka yang berasal daripada nelayan itu dan mereka akhirnya telah membuktikan mampu menjalankan kerja-kerja ladang sebagaimana peneroka-peneroka lain juga.
- (c) Kementerian ini sedar masalah yang dihadapi oleh peneroka-FELDA Papulot, Gerik di Perak **itu**, khususnya peneroka peringkat 1 yang kebanyakannya berasal daripada nelayan. Kementerian sedang mengambil langkah-langkah mengatasinya dengan mengukur semula kawasan supaya seorang peneroka menerima tidak kurang dari 750 pokok yang boleh ditoreh untuk membolehkan mereka memperolehi pendapatan yang baik. Sekiranya kawasan yang sesuai tidak mencukupi mereka akan ditawarkan untuk dipindahkan ke rancangan-rancangan lain.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, tidakkah ada lagi ataupun masih ramai lagi bilangan nelayan yang telah ditemuduga dan

berjaya untuk menjadi peneroka di seluruh negara dan sehingga hari ini belum pun dimasukkan lagi?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti pemohon-pemohon lain di kalangan pemohon-pemohon itu adalah pemohon-pemohon yang terdiri daripada nelayan dan permohonan mereka ini ditujukan kepada sistem yang lama iaitu sistem blok dan sistem Individu. Oleh kerana sekarang ini FELDA telah melaksanakan sistem baru iaitu pengurusan secara estet dan juga pengurusan berdasarkan pada unsur-unsur yang baik dalam FELDA iaitu adanya gaji, bonus dan dividen maka pengambilan baru belum diambil lagi. Sekiranya apabila mereka ditawarkan menurut sistem baru ini dan sekiranya mereka menerimanya maka mereka akan menjadi peneroka di bawah sistem pengurusan yang baru.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah sambutan dan minat kaum India dan kaum Cina terhadap rancangan-rancangan FELDA? Kalau sambutan itu baik maka adakah peluang diberi kepada kaum India dan kaum Cina untuk menyertai dalam rancangan-rancangan itu? Yang 'ketiga, kalau peluang diberi, setakat ini berapa orangkah yang bukan bumiputera menyertai dalam rancangan-rancangan FELDA?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian soalan itu, minat daripada kaum Cina dan India memanglah ada dan proses pemilihannya kita dasarkan kepada dasar yang lebih luas iaitu Dasar Ekonomi Baru selama **ini**. Jadi, kuota-kuota **ter-**tentu itu adalah.

Yang kedua soal peluang yang ditawarkan kepada dua kaum ini saya rasa telah banyak kali soalan ini ditimbulkan dan telah dijawab

dan angka itu tidak ada pada saya sakarang kerana ini sudah banyak kali dijawab.

PECEMARAN SUNGAI

7. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dsan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa pada waktu ini terdapat banyak kilang-kilang yang sedang beroperasi telah melakukan pencemaran sungai dengan membuang sisa bahan kimia ke dalam sungai dengan sewenang-wenangnya. Apakah langkah dan tindakan Kementerian terhadap perkara ini dan setakat ini berapakah kilang-kilang yang telah dikenakan tindakan undang-undang?

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar terhadap masalah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dan setakat ini tiada laporan rasmi diterima. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat mempunyai keterangan mengenai kejadian tersebut, adalah dihargai sekiranya kejadian ini dilaporkan kepada Kementerian atau Jabatan Alam Sekitar supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Undang-undang yang releven bagi mengawal kejadian-kejadian tersebut ialah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian) 1979 yang mengawal tahap kecemaran di dalam effluen yang boleh dilepaskan ke mana-mana alurair, dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 bagi mengawal pelupusan buangan-buangan tiksik dan merbahaya.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah ada pegawai-pegawai penguatkuasa yang telah ditempatkan di negeri-negeri untuk melihat, mengawasi dan lantas mengambil tindakan kepada mana-mana kilang sama ada kecil atau besar apabila ianya melakukan perbuatan yang sewenang-wenangnya ini sehingga setakat ini? Kalau ada sehingga hari ini, berapa buah kilang yang melakukan perkara ini telah dihukum kerana sepanjang yang saya ketahui, pegawai-pegawai yang berkenaan dan Jabatan ini tidak mengambil tahu apabila rakyat menulis surat kepadanya tentang pencemaran sama ada sungai ataupun paya. Saya akan beri bukti ini sekiranya dikehendaki oleh Menteri yang berkenaan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini mengenai buangan-buangan toksik. Sebenarnya kita dapat menerima banyak laporan mengenai pencemaran-pencemaran dari sumber-sumber yang lain. Apabila sahaja laporan itu diterima, kita telah menyiasat dan juga langkah-langkah telah diambil.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberitahu mengenai satu kilang yang ada yang saya dapat kaji di Pondok Upih, Balik Pulau dan terdapat ayam itik kepunyaan penduduk pun habis mati. Satu kajian yang telah dibuat di mana terdapat ikan sungai dan udang galah kini terpupus dan menjejaskan pencarian penduduk-penduduk, Pokok-pokok buah-buahan habis mati dan buahnya buruk dan busuk dan kilang ini selama empat tahun masih lagi berjalan.

Satu lagi ialah kilang getah Keong Huat Rubber Factory Sendirian Berhad yang terletak di Sungai Divislon, Sungai Petani.

Kilang ini telahpun didenda dan ia masih terus berjalan selama sepuluh tahun. Apakah \$2,400/- denda itu setimpal dengan keadaan-keadaan yang telah dilakukan oleh kilang ini? Kilang ini membawakan bahan kimia ke dalam sungai dan warnanya menjadi teh susu. Penduduk-penduduk tersebut telahpun menggunakan air tersebut daripada tahun 1987 dan terdapat tanaman-tanaman telah musnah sama sekali.

Ini daripada kajian yang kita buat, yang diteliti dan yang kita pastikan bahawa memang terdapat kilang-kilang ini telahpun menjejaskan alam dan sebagainya. Apakah tindakan terus diambil?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Inilah satu keterangan yang saya terima dan juga langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudahkah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar kenalpastikan tempat pembuangan sisa bahan kimia. Sekiranya benar, pembuangan sisa bahan kimia ini merosakkan sayur-sayuran dan menjejaskan kesihatan manusia, adakah cadangan untuk mencari satu pulau di mana manusia tidak tinggal untuk membuang stsa-sisa bahan kimia?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mempelawa dua firma pakar perunding untuk mengkaji dan menyiasat cadangan projek kemudahan pengurusan dan pengolahan sisa-sisa toksik. Dalam cadangan mereka akan meliputi juga mencari satu tempat yang sesuai untuk menyimpan bahan-bahan toksik ini yang telah diolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

KEMALANGAN JALANRAYA PADA MUSIM HARI RAYA PUASA

9. Puan Law Jack Yoon [di bawah S.O. (23(2))] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa peratuskah kemalangan jalanraya semasa perayaan Hari Raya Puasa tempoh hari yang lalu:

- (a) adakah berkesan kepada pemandu-pemandu dengan menggunakan patung-patung polis Traffic di tepi-tepi jalanraya; dan
- (b) bagaimana pengawasan JPJ diadakan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan jalanraya semasa perayaan Hari Raya Puasa tahun 1990 iaitu dari tarikh 19hb April 1990 hingga 3hb Mei 1990 adalah 4,881 kemalangan, Ini merupakan kenaikan sebanyak 22.18% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 1989. Bilangan kematian adalah 175 manakala bilangan cedera parah adalah 570 dan bilangan cedera ringan adalah 1,114 kes.

Penggunaan patung-patung polis trafik di tepi-tepi jalanraya memang ada kesannya terhadap pemandu-pemandu. Patung-patung tersebut mengingatkan pemandu-pemandu serta mewujudkan perasaan tanggungjawab di kalangan mereka untuk berwaspada dan memandu dengan lebih berhati-hati. Memandu dengan sedemikian cara adalah satu

daripada faktor utama bagi raengelakkan kemalangan di jalanraya.

Jawapan kepada (b), pengawasan yang diadakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara adalah terbahagi kepada dua jenis, iattu operasi biasa harian dan operasi-operasi khas seperti yang dijalankan menjelang tiap-tiap musim perayaan. Operasi biasa harian merupakan operasi yang dijalankan tiap-tiap hari oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri mengikut jadual. Operasi khas pula merupakan operasi yang menumpukan kepada kumpulan sasaran yang tertentu, Operasi setnpena musim perayaan merupakan konsep policing, dengan izin jalanraya-jalanraya utama yang bertujuan khusus untuk mencegah berlakunya kesalahan-kesalahan jalanraya.

HOSPITAL LADANG - KETIADAAN PAKAR PERUBATAN

10. **Tuan K. Sivalingan** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kemudahan Group Hospital di ladang-ladang cidak mempunyai pakar-pakar perubatan. Dengan ini mereka (pesakit-pesakit) tidak mendapat perkhidmatan yang cukup. ini telah menyebabkan seorang pesakit di Sungai Tinggi (Selangor Darul Ehsan) meninggal dunia. Nyatakan juga:

- (a) berapa ramaikah pakar perubatan berkhidmat di Group Hospital ini; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod, tidak ada pakar perubatan yang diambil berkhidmat dengan Group Hospital dan Kerajaan hanya bertanggungjawab menyediakan pakar-pakar di hospital-hospital Kerajaan sahaja. Penyediaan personnel ataupun kakitangan perubatan di hospital-hospital ladang

telah ditetapkan di bawah Kanun Buruh dan adalah tanggungjawab pihak pengurusan ladang itu sendiri. Di bawah Kanun Buruh, pihak pengurusan dikehendaki melantik pengamal perubatan dan pembantu hospital estet untuk mengendalikan klinik-klinik dan hospital-hospital ladang tersebut. Sekiranya pesakit-pesakit memerlukan rawatan kepakaran, mereka boleh dirujuk kepada hospital-hospital Kerajaan yang berkaitan.

PERINDUSTRIAH - KERJASAMA ANTARA NEGARA ASEAN

11. **Tuan Shuib bin Endut** minta menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kementerian mempunyai rancangan untuk memajukan industri secara usahasama dengan negara jiran iaitu Negeri Thailand terutama di negeri Kedah yang sedang pesat membangun dengan terbinanya Kampus Universiti Utara Malaysia dan Zon Bebas Cukai di Kayu Hitam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato Dr. K.S, Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk terus menggalakkan dan menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing ke Malaysia dan ini termasuklah dari negara-negara jiran ASEAN kita seperti negeri Thai. Untuk menggalakkan peningkatan kerjasama perindustrian di antara negara-negara ASEAN terutama dalam bidang pelaburan dan usahasama industri di peringkat swasta, Kerajaan-kerajaan ASEAN secara bersama telah mengenalkan skim projek-projek usahasama perindustrian ASEAN, dengan izin, ASEAN Industrial Joint Venture Scheme', atau AIJV.

Projek-projek industri yang diluluskan di bawah skim ini dapat menikmati beberapa faedah seperti penurunan cukai import sebanyak 90% yang diberikan oleh negara ASEAN yang mengambil bahagian serta mengimport keluaran dari projek AIJV yang berkenaan. Sehingga sekarang 15 projek-projek AIJV telah diluluskan dan sembilan

daripadanya bertapak di Malaysia. Daripada sembilan ini, empat projek merupakan pelaburan dan usahama dengan pihak swasta negeri Thai. Daripada empat projek-projek tersebut, hanya satu projek telah ditempatkan di kawasan perindustrian Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah. Projek ini ialah KGD Malaysia Sendirian Berhad yang mengeluarkan komponen-komponen elektrik motorsikal untuk pasaran tempatan dan negeri Thai.

Di antara rancangan Kerajaan untuk mengadakan lebih banyak lagi usahasaraa industri dengan negeri Thai dan lain-lain negara ASEAN ialah mengadakan seminar-seminar untuk pengusaha-pengusaha kita mengenai Skim AIJV.

Dengan bantuan Komuniti Eropah atau E.E.C. Kerajaan juga telah mengenalpasti 25 kumpulan barangan yang mempunyai potensi untuk diperkilangan secara usahasama di antara pelabur-pelabur Malaysia/negeri Thai dan lain-lain rakan-rakan ASEAN di bawah skim tersebut. Ini termasuklah barang-barang teknikal getah, mesin-mesin pejabat, mesin-mesin proses data autoraatic, Compressors, alat-alat sukatan elektrik, mesin-mesin pemerosesan getah dan plastik dan alat-alat tool elektrik.

Pada bulan Januari tahun ini Kerajaan juga telah menganjurkan workshop mengenai penubuhan projek-projek AIJV bagi mesin-raesin pemerosesan getah dan plastik. Workshop ini disertai oleh pengusaha-pengusaha dari Malaysia, negeri Thai, negara-negara ASEAN yang lain serta dari Komuniti Eropah.

Kerajaan juga bekerjasama rapat dengan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) untuk memperkenalkan dengan lebih luas lagi Skira AIJV di kalangan pengusaha-pengusaha melalui Bulletin FMM dan sebagainya. Terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha dari Kedah memainkan peranan aktif untuk menarik pelabur-pelabur dari negeri Thai mengadakan usahasama industri ditempatkan di Kedah untuk mengeluarkan barang-barang di bawah Skim AIJV ini.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta FMM juga bersedia memberi nasihat lanjut dan membantu pengusaha-pengusaha dari Kedah dalam hal ini.

Dalam bidang industri automative pula Kerajaan mempunyai rancangan khusus untuk mewujudkan usahasama yang lebih konkrit dengan negeri Thai. Dalam hal ini Kerajaan Malaysia dan negeri Thai telah bersetuju pada prinsipnya untuk mengadakan rancangan penukaran komponen-komponen kereta penumpang, kenderaan perdagangan dan motosikal. Umpamanya Malaysia akan raembekalkan kepada negeri Thai komponen-komponen kereta penumpang dan sebaliknya negeri Thai akan membekalkan kepada kita komponen-komponen kenderaan perdagangan. Rundingan lanjut akan diadakan untuk menentukan rancangan pelaksanaan di antara kedua-dua buah negeri.

KUALA LDMPOR - MASALAH KESESAKAN LALULHTAS

12. **Tuan Tan Chai Ho** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kuala Lumpur akan raempunyai penduduk 2 juta orang pada tahun 2000, apakah cara dan bagaimanakah Kerajaan akan menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas dan tumah kediaman penghuni Kota **ini**.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Karid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhorraat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffia: Masalah kesesakan lalulintas adalah satu-satunya masalah utama yang dihadapi di Kuala Lumpur. Penyelesaiannya amatlah rumit dan sangat kompleks

Punca utama masalah kesesakan lalulintas adalah kerana terlalu banyaknya kenderaan (kereta) yang dipunyai oleh pihak persendirian yang bermuatan rendah di jalanraya-jalanraya. Ini bermakna jalan-jalan penuh sesak dengan kenderaan tetapi bilangan orang yang menggunakan jalan-jalan tersebut adalah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua cara utaraa bagi menghadapi masalah **ini**, iaitu:-

Pertama, cara 'supply' dengan izin; dan

Kedua, cara 'demand' dengan izin.

Dengan cara pertama, Kerajaan mempunyai alternatif membina Lebih banyak jalan bagi menampung 'permintaan' ataupun demand yang meningkat. Perlu diingatkan bahawa 'permintaan' itu adalah permintaan ruang kenderaan bukan orang. Alternatif ini sering didapati tidak efisien dalam jangka panjang. Jalan-jalan yang dibina dengan sekejap sahaja disesaki oleh kenderaan - iaitu kesesakan lalulintas setelah begitu banyak pelaksanaan infrastrukturnya. Lebih kritikal lagi adalah peningkatan pencemaran udara disebabkan oleh kesesakan itu.

Alternatif kedua terbukti lebih efektif dalam jangka panjang. Alternatif ini memerlukan Kerajaan mengawal pertubahan 'demand', dengan izin, dengan mengalih orang daripada kereta ke pengangkutan awam. Oleh yang demikian adalah menjadi dasar perancangan struktur Kuala Lumpur untuk menitikberatkan pengangkutan awam dalam sistem pengangkutan di Kuala Lumpur di Abad yang ke 21 nanti,

FAR EASTERN FREIGHT CONFERENCE - TAMBANG TAMBAHAN

13. **Tuan Lim Chien Aun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar iaitu pihak FEFC (Far Eastern Freight Conference) akan mengenakan kos faedah ke atas barang-barang yang diangkut dari Pelabuhan Pulau Pinang dan jika sedar apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan supaya tindakan FEFC itu tidak dilaksanakan.

Dato.K.S, Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa Konferen Perkapalan FEFC (Far Eastern Freight Conference) akan mengenakan tambang tambahan (transport additional) ke atas barang-barang yang diangkut ke seberang laut dari Pelabuhan Pulau Pinang.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia, dengan izin, Malaysian National

Shippers' Council (MNSC) telah raembantah keputusan FEFC **ini**. Pada masa sekarang Kementerian ini sedang mengatur supaya satu pertemuan dan perundingan yang bermakna diadakan di antara FEFC dengan MNSC iaitu organisasi kebanggaan pengguna-pengguna kapal Malaysia, Satu persetujuan perlu dicapai oleh kedua-dua pihak bahawa FEFC tidak meneruskan rancangan mengenakan tambang diskriminasi itu kepada pengeksport-engeksport dan pengguna-pengguna kapal yang berurus dari Pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya pun telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi.

HANG TUAH - GELARAN

15. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan siapakah sebenarnya Hang Tuah dan apakah gelaran yang sepatutnya diberi kepada beliau. Bagaimanakah seorang Professor dapat tahu bahawa Hang Tuah itu seorang 'Samseng' sedangkan Professor itu masih hidup dan Hang Tuah telahpun meninggal beratus tahun.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Hang Tuah sebenarnya adalah seorang wira masyarakat Melayu yang mempunyai sifat-sifat kepahlawanan, keperwiraan dan kesetiaan. Semua sifat-sifat ini digambarkan dalam buku Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu. Gelaran tertinggi yang pernah dianugerahkan kepada Hang Tuah ialah Laksamana. Gelaran 'samseng' yang diberikan kepadanya baru-baru ini adalah tafsiran peribadi sernata-raata. Setiap pengkaji berhak memberi penilaian terhadap Hang Tuah.

Tuan Mustafa bin Awang: Soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seorang Professor yang memberi Hang Tuah gelaran sebagai 'Samseng', dari keturunan manakah Professor **ini**, dari keturunan Melayu atau lain-lain?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan itu sebab saya tidak tahu keturunannya yang sebenar. **[Ketawa]**

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh agak boleh jadi Professor ini bukan keturunan Melayu, dengan sebab itu dia tidak tahu budibicara Melayu dan jasa orang Melayu. **[Tepuk]** Dengan sebab itu saya berharap kepada Professor ini kalau masih hidup dia lebih baik belajar barbahasa Melayu yang betul dan beristiadat Melayu, baru boleh tinggal di bumi Melayu. **[Tepuk]**

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu komen ya, bukan soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul, tidak payah dijawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup,

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 51 akan dimasukkan dalam nashkah bercetak kelak]

USUL

**MERAKAMKAN PERASAAN SEDIH ATAS KEMATIAN ALLAHYARHAM
Y.A.BHG. TUN HUSSEIN ONN, BEKAS PERDANA MENTERI
MALAYSIA DAN MENYAMPAIKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA
Y.A.BHG. TOH POAN SUHAILAH DAN KELUARGA**

3.39 ptg.

**dan Menteri Kehakiman
Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr Haji Sulaiman bin**

Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya mohon mencadangkan

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kerabalnya ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29hb Mei, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini amat terkejut apabila menerima berita kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn pada hari Selasa, 29hb Mei, 1990. Negara telah kehilangan seorang pimirapin dan negarawan. yang dihormati kerana pengorbanan dan perjuangan Allahyarham, dalam bidang politik dan pentadbiran merupakan suraber inspirasi kepada rakyat dan jenerasi baru di negara ini.

Allahyarham Tun Hussein Onn adalah seorang pimirapin yang bersifat integriti, cintakan keamanan, tegas, teliti dan berhati-hati semasa membuat keputusan. Sifat-sifat kepimpinan beliau itu amatlah disegani dan dihorrtaati oleh rakan-rakan seperjuangannya di dalam parti UMNO khasnya dan parti-parti komponen Barisan Nasional pada amnya.

Penghormatan yang tinggi juga telah diberi oleh pihak parti-parti Pembangkang. Semasa hayatnya beliau telah mendapat sanjungan semua golongan rakyat dari berbilang kaum dan telah diberi gelaran sebagai "Bapa Perpaduan".

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Husein dilahirkan di Johor Bahru dan telah mendapat pendidikan sekolah Inggeris. Beliau telah bergerak cergas dalam politik pada tahun 1946 dengan menganggotai Pergerakan Melayu Semenanjung yang kemudiannya dikenali sebagai UMNO. Beliau adalah Setiausaha Agung UMNO yang pertama. Allahyarham telah memegang beberapa jawatan penting di dalam Jemaah Menteri. Dalam tahun 1970 Allahyarham Tun Hussein Onn telah dilantik sebagai Menteri Pendidikan dan dipilih menjadi Timbalan President UMNO pada tahun 1973. Seterusnya beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri berikutan kembalinya ke rahmatullah Tun Dr. Ismail. Apabila Perdana Menteri yang kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia di London pada 14hb Januari, 1976, beliau telah dilantik sebagai Perdana Menteri.

Allahyarham Tun Hussein Onn telah meletak jawatannya sebagai Perdana Menteri pada bulan Julai 1981, setelah memegang teraju perkerajaan negara ini selama 5 tahun lebih. Setelah menjadi Perdana Menteri yang ketiga banyak perubahan dan kemajuan telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn.

Selepas mengundurkan diri dalam arena politik, beliau terus mencurahkan tenaga untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Allahyarham telah dilantik menjadi Penasihat PETRONAS, Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa dan beliau juga adalah

Presiden Persatuan Orang-orang Buta Malaysia dan Pengerusi Hospital Mata Tun Hussein Onn. Atas khidmat bakti itu, beliau telah diberi anugerah tertinggi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham telah dianugerahkan Darjah Kelas Pertama, Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang membawa gelaran Tun oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai mengenang jasa beliau kepada negara. Sesungguhnya, kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn amat dirasai oleh rakyat yang cintakan perpaduan dan keharmonian di negara ini. Ini merupakan peristiwa yang amat sedih dan terharu kepada isteri dan anggota-anggota keluarga Allahyarham.

Saya bagi pihak Kerajaan Malaysia berharap balu Allahyarham, Toh Puan Suhaila dan anggota keluarganya akan tabah hati serta bersabar dalam menghadapi peristiwa yang sedih itu, Saya berdoa semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmatnya ke atas roh Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan yang telah dikeraukakan oleh Yang Berhormat Menteri bagi pihak Yang Araat Berhormat Perdana Menteri.

Saya bagi pihak seluruh keluarga UMNO yang berada di Dewan Negara ini mengambil peluang untuk merakamkan ucapan takziah kepada Toh Puan Suhaila dan keluarganya diatas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tun Hussein Onn. Walaupun Tun Hussein Onn telah tidak lagi memegang jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia,

namun pada ketika UMNO menghadapi krisis perlembagaan UMNO, Tun Hussein Onn telah membayangkan sikapnya memberi sokongan kepada kepimpinan dan UMNO yang ada pada hari ini, walaupun beliau tidak dengan secara aktif.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Hussein. Onn sebagai seorang ahli politik yang telah menolak parti yang ditubuhkan oleh Allahyarham bapanya sendiri. Beliau mengambil pilihan jalan terus berjuang bersama-sama dengan UMNO dan rakan-rakannya. Jasa Tun Hussein Onn kepada bangsa dan negara tidak boleh dinafikan. Jasanya bukan sahaja mengisi kemerdekaan tanahair, tetapi jasanya juga berjuang bersama-sama rakan untuk mencapai kemerdekaan tanahair. Kami sama-sama berdoa ke hadrat Allah s.w.t. moga-moga Allah s.w.t mencucuri rahmat ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di hadapan Majlis ialah bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29hb Mei, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan. Suhaila binti Tan Sri Haji Mohammed Noah dan keluarga Allahyarharn, dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dahulu, dipersilakan,

3.46 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, berdirinya saya di Dewan yang mulia ini adalah untuk menyampaikan ucapan takziah di atas kematian 'Bapa Perpaduan', bekas Perdana Menteri ketiga Malaysia, Tun Hussein Onn, bagi pihak parti MIC.

Allahyarham Tun Hussein Onn adalah seorang pemimpin dan negarawan yang telah banyak berkorban dan berbakti kepada negara. Sumbangan dan jasa Allahyarham kepada negara bukan sahaja kepada bidang politik malah seraenjak bersara dari jawatan Perdana Menteri, Allahyarham masih mampu meluangkan masa sebagai Penasihat PETRONAS dan Pengerusi ISIS. Jasa dan khidmat bakti Allahyarham kepada negara akan sentiasa dikenang, khususnya sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keciga. Penglibatan beliau dalam Kerajaan adalah selama 10 tahun dan dalam tempoh 5 1/2 tahun menjadi Perdana Menteri beliau raembawa Malaysia ke arah keamanan dan kestabilan.

Beliau berjaya meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang dihormati dan disegani oleh kawan dan lawan, Beliau turut memainkan peranan penting bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara ASEAN. Semasa menjadi Perdana Menteri, Tun Hussein Onn sentiasa tegas, teliti dan berhati-hati sebelum membuat keputusan. Sebagai pemimpin yang mengangkap kuasa adalah amanah dan tanggungjawab pegangannya tidak mudah diubah. Mengenai rasuah pula, beliau berpendapat rasuah tidak direlai oleh Malaysia dan maksiat itu mesti dihapuskan dengan apa cara sekali pun dan ternyata beliau telah berusaha untuk memberhentikan hal ini.

"Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Allahyarham Tun Hussein Onn akan dikenang sebagai pemimpin yang tegas dan berdisiplin. Di bawah pentadbirannya, negara kita telah menikmati pembangunan ekonomi yang pesat dan perpaduan kaum berada di peringkat yang baik.

Allahyarham juga akau dikenang sebagai pemimpin yang sanggup mengundurkan **diri** dari puncak kuasa sebagai seorang 'gentleman', suatu sikap yang jarang terdapat di mana-mana negara pun. Saya berdoa semoga roh Allahyarham sentiasa dicucuri rahmat dan ditempatkan di sisi orang-orang yang mulia. Sekian, terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang berhormat Datuk Tan Peng Khoon dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon.

3.50 ptg.

Dato' Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini oleh sebab saya sendiri dan Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri berasal dari Negeri Johor.

Allahyarham Tun Hussein Onn berasal dari sebuah keluarga yang dihormati dan dikenali oleh boleh dikatakan seluruh lapisan rakyat Malaysia kerana ayah Allahyarham iaitu Allahyarham Dato Onn adalah seorang pemimpin yang dikenali di negeri ini sebelum kita mencapai kemerdekaan. Saya dengan ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah bagi pihak kita semua, khasnya bagi pihak parti MCA kepada keluarga Allahyarham terutama sekali kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Suhaila binti Tan Sri Dato' Haji Mohd. Noah.

Saya dengan bangganya dapat berkenalan secara peribadi dengan Allahyarham dalam tempoh yang agak lama, baik semasa beliau bergiat dalam arena politik mahu pun dalam aktiviti-aktiviti yang lain. Oleh itu saya dengan penuh yakin ingin menyatakan di sini bahawa Allahyarham adalah seorang jujur dan boleh dipercayai.

Allahyarham juga seorang pemimpin yang cukup adil. Allahyarham dikenali dengan pendirian yang membencikan rasuah dan ditunjukkan tanpa ragu-ragu. Semasa Allahyarham memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia, Allahyarham disayangi bukan sahaja daripada kaum Melayu tetapi juga oleh kaum-kaum yang lain yang terdapat di dalara negeri ini. Allahyarham sentiasa sanggup untuk

mendengar apa jua masalah yang dihadapi oleh semua kaum dan lapisan rakyat di negeri ini.

Kita telah kehilangan seorang pemimpin yang dihormati oleh semua golongan rakyat satna ada yang terdiri daripada kawan ataupun lawati. Oleh itu sekali lagi sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya dengan ikhlasnya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa parti MCA dan juga golongan masyarakat kaum Tionghua di negeri ini berasa amat sedih terhadap kehilangan seorang pemimpin yang kita semua sayangi dan hormati. Sekian.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan
Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.
3.55 ptg.

hati. yang sedih bagi pihak SUPP untuk menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila binti Tan Sri Dato' Mohd. Noah dan seisi keluarganya di atas kepulangan ke rahmatullah Allahyarham Tun Hussein Onn Perdana Menteri ketiga negara kita.

Allahyarham Tun Hussein Onn telah mentadbirkan negara ini selaku Perdana Menteri dengati jujur dan tegas. Beliau tidak dipengaruhi oleh pemikiran emosi atau pelampau bahkan beliau telah menunjukkan sikap yang sederhana, adil dan saksama.

Dalam tempoh Allahyarham Tun Hussein Onn memegang teraju negara, Malaysia telah mencataekan perkembangan ekonomi yang pesat serta dihonnati oleh negara-negara lain khususnya oleh negara-negara membangun.

Negara kita telah kehilangan seorang anak watan yang sedia berkorban demi rakyat dan negara. Walaupun Allahyarham Tun Hussein Onn telah kembali ke rahmatullah, prinsip yang beliau perjuangkan

akan terus tetap tertanam di dalam hati setiap rakyat di negara ini. Beliau akan terus dikenang oleh semua lapisan masyarakat di atas jasa dan baktinya yang murni. Saya berdoa Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila dan seisi keluarga akan bersabar dalam menghadapi saat yang sedih ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Ainon.

3.55 ptg.

Puan Ainon biuti Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Senator-senator wanita yang ada di dalam Dewan ini dan juga bagi pihak Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dengan rasa terharu ingin bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan iaitu bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 1990 dan raenyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham.

Sesungguhnya wanita-wanita di Malaysia terutama yang mengenali rapat akan peribadi dan akan kewibawaan serta ketokohan beliau selaku pemimpin utama dan yang terkenal seorang yang sangat peka dengan semua perkembangan kemajuan dan masalah wanita-wanita di negara, maka kani juga turut bersedih merasakan kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Berbahagia ini satu kehilangan yang besar kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, beliau terkenal seorang yang lemah lembut tetapi tegas. Beliau terkenal seorang yang agak sentimental tetapi serius dalam menjalankan tanggungjawab. Pernah satu kejadian ramai

rombongan wanita menemui beliau untuk memohon sesuatu perkara yang ada kaitannya dengan perundangan. Beliau telah menitiskan air mata di atas rayuan yang dikemukakan tetapi tidak menerima rayuan itu. Nyatalah walaupun perasaannya simpati dengan rayuan yang dikemukakan oleh wanita tetapi kerana tanggungjawabnya sebagai pemimpin negara yang beramanah, dia tidak dapat menerima rayuan dan permohonan dari wanita itu.

Satu lagi yang menjadi kenangan dan yang merupakan satu contoh teladan telah apabila beliau dilantik untuk menjadi Perdana Menteri yang ketiga di negara Malaysia selepas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Razak, beliau telah membuat ucapan pertama di televisyen dan di media massa dengan menitiskan air mata. Ada pihak yang kurang yakin dengan keadaan itu tetapi air mata beliau melainbangkan bahawa beliau menerima tanggungjawab itu dengan rasa tabah dan akan meletakkan tanggungjawab itu lebih tinggi dari kepentingan dan perasaan beliau sendiri, seolah-olah beliau faham bahawa beliau akan terpaksa mengorbankan perasaannya atau perhitungan sendirinya demi untiak kepentingan negara.

Inilah satu contoh teladan pemimpin yang pada pendapat wanita terhandal bukan sahaja di negara ASEAN/Asia tetapi juga boleh dikatakan di seluruh antero dunia yang harus dicontohi terutama oleh parti-parti Pembangkang yang begitu ghairah inginkan jawatan tetapi tidak tahu tanggungjawab akan jawatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi mewakili wanita saya mengucapkan takziah kepada Toh Puan Suhaila, isteri yang setia, budiman dan isteri yang sentiasa tersenyum membantu aruah

Allahyarham suaminya menjalankan tanggungjawab negara yang begitu besar selama ini. Mudah-mudahan roh beliau akan dihimpunkan di dalam kumpulan orang-orang yang dimuliakan di sisi Allah dan yang akan mendapat rahmat sentiasa. Semoga keluarganya yang tinggal akan bersabar dan akan meneruskan perjuangan Allahyarham dan sentiasa mendapat rahmat, petunjuk serta sentiasa di dalam keadaan ditetapkan iman oleh Allah s.w.t. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang Anak Ganda dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang.

4.00 ptg.

Tuan Douglas Sullang Anak Ganda: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul Takziah dan saya bagi pihak Parei Pesaka Bamiputera Bersatu di Sarawak dengan dukacita dan penuh simpati mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah dan semua keluarga kepada Allahyarham Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia yang telah meninggal dunia pada 29hb Mei, 1990. Kita sentiasa mengenang Allahyarham kerana dengan kematiannya kita telah hilang anak watan, wira, tokoh politik dan ahli negara yang berjasa penuh kepada negara Malaysia yang kita kasih sayang.

Tuan Yang di-Pertua, kita seneiasa menghargai dalam hati sejarah dan usahanya semasa Allahyarham memimpin negara selaku Perdana Menteri yang terkemuka dan dikenali di seluruh dunia. Allahyarham telah memimpin negara ini dengan penuh bertanggungjawab, ikhlas, adil dan dedikasi. Allahyarham juga telah sedar betapa perlunya prinsip perpaduan di seluruh kalangan masyarakat yang berbagai kaum dan keturunan di seluruh negara kita, kerana tanpa perpaduan berbagai pembangunan di bidang politik, sosio ataupun ekonomi tidak ada bererti dan tidak ada juga membawa kesan. Sebab itu, Allahyarham sentiasa menyemaikan semangat perpaduan dengan awalnya dan dengan itu Allahyarham pernah dikenali dengan gelaran Bapa Perpaduan. Prinsip Allahyarham memimpin negara ini dengan prinsip perpaduan di seluruh kalangan kaum masyarakat, besar ataupun kecil, tidak boleh dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, kehalusan budi pekerti dan prinsip-prinsip hidup Allahyarham Tun Hussein Onn haruslah menjadi contoh teladan kepada kita semua, terutamanya dalam cara-cara Allahyarham berpolitik sukarlah hendak dipertandingkan. Dengan kata-kata gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama yang sentiasa dikenang, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Lim.

4.04 ptg.

Tuan Lim Chien Aan: Taan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong usul bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia, pada 29hb Mei tahun ini daa menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarganya, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang mewakili Perdana Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya, bagi pihak Parti Gerakan dan rakyat jelata negeri Pulau Pinang serta diri saya sendiri, merakamkan juga ucapan takziah kita bersama kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah dan sekeluarga atas pemergian Allahyarham Tun Husssin Onn, bekas Perdana Menteri kita iaitu Perdana Menteri yang ketiga.

Saya juga ingin turut raenyampaikan perasaan amat dukacita kita kepada Toh Puan Suhailah dan sekeluarga kerana mereka sudah mengalami kehilangan seorang yang disayangi oleh mereka. Sesungguhnya Parti Gerakan telah kehilangan seorang sahabat yang jujur dan setia yang mana Allahyarham seorang negarawan sentiasa berusaha untuk memupuk parpaduan negara. Kesedihan yang dirasakan oleh semua lapisan

rakyat jelata jelas menunjukkan kasih kita terhadap Allahyarham. Allahyarham Tun adalah seorang negarawan dan pemimpin yang ulung yang banyak menyumbang serta mencurahkan jasa bakti kepada negara. Allahyarham Tan juga merupakan seorang pemimpin kebangsaan yang dapat mencungkil satu jenerasi rakyat Malaysia baru yang bertindak dan berfikiran sebagai warganegara Malaysia, yang mempanyai sifat toleransi, persefahaman., dalam membina sebuah negara yang bersatu-padu dan progresif dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Dengan usaha gigih dan murni itu maka Allahyarham Tun Hussein Onn bolehlah dikatakan sebagai Bapa Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, pemergian Allahyarham dengan mengejut itu merupakan kehilangan seorang anak watan Malaysia yang berjiwa besar serta kehilangan yang amat dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia dan negara.

Bagi pihak Parti Gerakan. Malaysia dan rakyat jelata negeri Pulau Pinang dan diri saya sendiri, sekali lagi saya memohon Ahli-ahli Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Allahyarham Tun Hussein Onn atas jasa bakti beliau dan di samping itu menyatakan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah dan sekeluarga semoga Tahan memberkati mereka semua,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Law.

4.07 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan. Bersama-sama dengan rakan-rakan sejawat saya, saya juga menyampaikan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham di atas

kembali Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia ke rahmatullah. Kami telah kehilangan seorang tokoh negara yang amat dihormati.

Allahyarham Tan Hussein Onn adalah seorang yang mempunyai nilai-nilai yang singgi. Allahyarham Tun Hussein Onn adalah seorang yang penuh dengan kejujuran. Allahyarham Tun Hussein Onn adalah seorang yang tidak sombong. Allahyarham Tun Hussein Onn adalah seorang yang baik hati. Saya sangat tertarik kepada serangkap perkataan oleh Allahyarham Tun Hussain Onn yang berbunyi

"Bila kamu berada di atas janganlah megah. Suka atau tidak kami mesti turun kembali suatu hari kemudian".

Saya berdoa Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham bertabah hati dalam saat-saat yang sedih ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri.

4.09 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Gbazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin ingin juga saya menumpang merakamkan perasaan sedih yang tidak terhingga terhadap kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri pada 29hb Mei, 1990.

Saya rasa tidak ada huruf lagi dan kata-kata lagi yang dapat saya hendak nyatakan di sini melainkan saya berdoa dan juga saya mohon kita bersama-sama berdoa moga-raoga dengan doa Ahli-ahli Yang Berhormat daa juga dengan kata-kata yang sangat-sangat suci murni itu tadi Allahyarham dapat kembali ke rahmatullah bersama-sama dengan orang-orang yang salih.

Selaku ipar kepada Allahyarham dan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berbahagia Toh Puan Suhaila dan keluarga, ingin juga saya menyampaikan atas nama mereka, terima kasih yang tidak terhingga kepada seraaa yang telah menyampaikan ucapan yang suci itu dan oleh itu terimalah ucapan terima kasih yang tidak terhingga itu dari yang Berbahagia Toh Puan Suhaila dan kelaarga mereka kepada Kerajaan, kepada rakyat, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang telah kenangkan jasa baik dan murni allahyarham itu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Tarima kasih.

Tuan Yaug di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di-Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kahakiman bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat dt atas kembalinya ke Rahmatullah, Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29hb Mei, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan kesedihan yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn bekas Perdana Menteri Malaysia pada 29hb Mei, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah binti Tan Sri Haji Mohd. Noah dan keluarga Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bertafakur bersama saya selama satu minit bagi mengenangkan jasa dan khidmat Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn. Dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin yang beragama Islam diminta apakah kiranya dapat menghadiahkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu dengan doa mudah-mudahan Allah himpulkan rohnyanya di dalam golongan orang-orang yang salihin dan mukmin. Alfatihah.

[Majlis bertafakur selama seminit]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BERITA NASIOHAL MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jeffrey]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengemukakan suata Akta bagi meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 (Pindaan) (1990) bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ini dicadangkan antara lain untuk memperkemaskan lagi beberapa peruntukan di dalam Akta, terutamanya tafsiran kepada berita dan bahan-bahan berita. Pindaan ini perlu untuk mengelakkan kesamaran dan dalam pemakaian istilah tersebut. Lain-lain pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk tidak membahaskan kegiatan agensi berita yang tunggal di negara ini daripada mencari keuntungan perniagaan.

Pindaan ini juga dibuat untuk menggugurkan perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu, 1948 dan mengubah komposisi Majlis Penyeliaan BERNAMA.

Tuan Yang di-Pertaa, pindaan kepada beberapa tafsiran dalam Akta BERNAMA terutamanya tafsiran "berita" dan "bahan-bahan berita" adalah perlu untuk memperluaskan lagi tafsiran ini termasuk berita-berita, fotograf, maklumat, rencana dan data ekonomi komoditi dan kewangan. Tafsiran-tafsiran baru ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. BERNAMA telah ditubuhkan sebagai satu badan berisa yang tidak membuat keuntungan seperti yang terkandung dalam Akta asal. Oleh kerana beban kewangan Kerajaan sentiasa meningkat dan peluang agensi berita ini tidak bergiat dalam perniagaan yang berkaitan adalah cerah, maka tiada seharusnya agensi ini disekat untuk mencari keuntungan sendiri. Untuk itu peruntukan yang tidak membenarkan BERNAMA mencari keuntungan daripada hasil urusniaganya perlulah dipinda.

Perisytiharan-perisytiharan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai kebebasan penerangan yang dibuat pada tahun 1948 hanya telah dihadiri oleh cuma sebahagian daripada anggota Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan itu, keputusan-keputusan Persidangan tersebut sebenarnya tidak pernah diterima oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Dunia itu.

Memandangkan penerimaan keputusan-keputusan Persidangan diragui oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, maka adalah wajar BERNAMA juga menghapuskan peruntukan dalam Aktanya yang menghadkan kebebasan BERNAMA. Dalam tahun 1967, apabila Akta asal ini digubal, hanya satu Universiti wujud di negara ini iaitu Universiti Malaya. Semasa BERNAMA mula beroperasi dalam tahun yang sama, peruntukan

telah dibuat dalam Akta BERNAMA yang mensyaratkan Naib-Canselor Universiti Malaya dilantik sabagai anggota Majlis Penyeliaan BERNAMA. Oleh kerana dewasa ini wujud bebarapa institusi-institusi Pengajian Tinggi yang lain, maka pindaan kepada peruntukan ini haruslah dibuat untuk meluaskan lagi pemulihan dan perlantikan anggota Majlis yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa pindaan Akta BERNAMA yang dibentangkan ini tidak sekali-kali berhajat untuk menyekat kebebasan akhbar yang wujud di negara ini. Akhbar-akhbar di negara ini sentiasa diberi kebebasan seperti yang telah dinikmati setakat ini iaitu di dalam konteks sistem demokrasi yang dipraktikkan di Malaysia. Pindaan-pindaan itu semata-mata dibuat untuk tujuan yang saya sebutkan tadi iaitu untuk membolehkan BERNAMA mempelbagaikan aktivitinya dalam industri berita dan maklumat untuk kepentingan negara dan BERNAMA sendiri.

Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini BERNAMA dapat memperluaskan dan mempelbagaikan sumber hasilnya dan seterusnya membolehkan BERNAMA berdikari sesuai dengan hasrat Kerajaan. Dalam pada itu, adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini Akta BERNAMA ini akan menjadi lebih karaan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Puan Ainon.

4.20 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberikan saya peluang untuk bersama-sama menyokong .Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kertas yang dibekalkan kepada Senator-Senator di Dewan Negara **ini**, kita juga telah mendengar perabentangan perkara berkenaan mengenai pindaan kepada Rang Undang-undang ini atau Akta ini yang telah dibawakan oleh Timbalan Menteri Penerangan sendiri yang mana kita rasakan beliau selaku salah seorang pemegang teraju di Kementerian Penerangan yang mengontrol akan BERNAMA dan juga sebahagian daripada mass media negara. Maka kita telah mendengar segala penjelasan betapa perlunya Akta ini dibuat pindaan-pindaan di seksyen dan di fasal-fasal tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan itu kerana nyacalah ini boleh memperkemaskinikan BERNAMA sebagai satu agensi berita negara yang terkenal. Dan kadang-kadang ada kalanya menjadi tidak terkenal oleh beberapa keadaan-keadaan mengenai kebebasan mass media atau kebebasan akhbar atau berita dt negara kita, khasnya di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, nyatalah daripada penjelasan tadi bahawa BERNAMA selepas ini akan membuat usaha-usaha yang boleh mendatangkan sumber kewangan atau yang boleh memberikan nafas kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan oleh agensi yang berkenaan.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang membentangkan Akta tadi apakah matlamat BERNAMA yang terpenting untuk mencari sumber kewangan atau untuk menentukan nilai-nilai berita atau bahan-bahan berita kepada negara yang boleh membawa pembimbingan kepada fikiran rakyat, pengenalan kepada identiti negara dan kawalan-kawalan terhadap kepada pengembangan media massa yang ada di negara kita ini dan juga di luar negeri.

Saya ada sedikit birabang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau BERNAMA melalui Akta yang dipinda ini nanti akan menjadikan business sebagai satu matlamat terpenting, saya bimbang kalau-kalau terjadi seperti perkhidmatan penerangan, penyiaran di negara kita *ini*. Kita banyak mendengar rungutan-rungutan rakyat terutamanya yang cintakan kepada pembendungan akhlak dan juga kepada pembimbingan fikiran yang membawa kepada ketinggian nilai moral, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana terlalu memikirkan business dan wang maka seolah-olah Kementerian Penerangan yang merangkumi dua perkhidmatan di bawahnya iaitu perkhidmatan penyiaran dan penerangan telah tidak dapat mengawal kehendak-kehendak negara ini dan telah tidak dapat memuaskan perasaan atau cita-cita para pemimpin yang ingin mass media ini menjadi rujukan atau panduan atau bimbingan kepada rakyat. Melahirkan rakyat yang tinggi nilai budi pekertinya atau moralnya, Tuan Yang di-Pertua,

Saya tidak pula hendak kondem, jangan salah taham, tuan-tuan para pelapor di Dewan tetapi hanya menyebut dan ingin menegur secara ikhlas sebagai rakyat yang cintakan kepada satu pembentukan kebudayaan ke arah kemajuan ketlnggian nilai moral rakyat negara. TV3 umpamanya sebab ingat fasal businesslah sudah dicommercialisekan maka banyaklah dasar-dasar kita telah dilanggar. Dalam masalah hiburannya, pakaian-pakaian artisnya, pendekatan muzik rocknya dan lain-lain lagi. Dan apabila kita tegur nanti dikata, "oh! ini kehendak rakyat. Selera rakyat." Jadi saya ingin bertanya; saya takut BERNAMA jadi begitu juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya sayangi adik saya **ini**. Saya takut nanti BERNAMA sebagai agensi yang begitu bernilai tinggi dan yang boleh mengkontrol keadaan-keadaan kenegaraan bila ingat fasal business lupa perkara-perkara ini semua. Kita boleh lihat iklan-iklan di TV, ada teguran yang dibuat di Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat dan dalam akhbar-akhbar. Ada akhbar mahu menyiarkannya, Tuan Yang di-Pertua; ada akhbar dia tidak maha siarkan - tutup! Ini pandangan-pandangan rakyat. Tengah-tengah Warta Berita, p-u-u-p! keluar iklan. Apabila ditanya, "oh perlu, sebab sumber kewangan."

Satu peristiwa pernah berlaku dan ditegur di Dewan ini di mana kejadian sedih perajurit kita yang menerima kemalangan udara. Sedang kesedihan pada climatonya, p-e-r-u-n-g! keluar iklan wanit berbogel masuk dalam air, cermin mata.

Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku dan Menteri berkenaan telah ambil perhatian, dia kata akan betulkan. Tetapi betul apabila kembalinya ke rahtnatullah Yang Amat Berbahagia Tun Hussein, tidak terdapat kacau-kacau atau tidak terdapat iklan-iklan yang mengganggu berita-berita dan penyiaran kepada perkembangan pengkebumian jenazah Allahyarham. Itu terima kasih.

Jadi, saya bimbang. Itu sahaja. Saya bimbang, bukan kondem. Dalam bimbang itu ada sedikit teguran yang diharap boleh diberikan perhatian. Kalau kami tidak menegur keadaan-keadaan ini kerana kami juga mendapat amanah rakyat dan kalau ini dibiarkan berleluasa apa akan jadi 10-20 tahun akan datang di negara kita ini yang sedang masuk ke arena keruntuhan akhlak yang agak membimbangkan, selain daripada pengaruh dadah, pengaruh unsur-unsur budaya kuning maka ada juga unsur-unsur dari media massa yang mendorong dan menyekat ke arah yang berkenaan. Jadi, baiklah kita membuat sesuatu itu seperti motto atau cogan kata anti dadah kita "cegahlah sebelum parah".

Tuan Yang di-Pertua, perkara dua yang saya ingin sentuh ialah Fasal 4 yang meminda seksyen 3 iaitu yang memperuntukkan BERNAMA mempunyai hak eksklusif. Ini saya setuju penuh. Untuk menerima berita atau bahan berita ke dalam Persekutuan dan selepas itu mengaturkan untuk membahagi-bahagikan berita atau bahan berita itu kepada pelanggan-pelanggan mengikut terma-terma atau syarat-syarat sebagaimana ditetapkan oleh BERNAMA. Syabas! Kerana terdapat juga beberapa langgar tembok, langgar signal-signal ini berlaku di media massa kita. Ini tidaklah bermakna kita hendak menyekat kebebasan suara akhbar atau media cetak atau media elektronik kita. Tetapi terdapat kecenderungan-kecenderungan di dalam media-media massa; media elektronik kurang tetapi media cetak **ini**. Yang mengeluarkan berita-berita kadangkala karut, berunsur fitnah dan selalunya menyeleweng dari kenyataan. Dan lebih-tebih lagi berita **ini**. telah diseludupkan ke luar negeri secara langsung atau tidak langsung dan dihebahkan pula di luar-luar negeri.

Satu lagi mengenai pengawalan berita di luar negeri. Umpamanya, satu peristiwa yang belum lama lagi berlaku di mana seorang putera diraja British menyebut dalam satu persidangan atau seminar, kononnya kaum Penan di Sarawak dibunuh beramai-ramai. Ini menjadi isu kontroversial di seluruh dunia tneburukkan negara kita. Dan kerana itu pernah Perdana Menteri menyarankan bahawa di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri akan ditempatkan pemberita-pemberita kita sendiri yang boleh menjadikan sumber atau boleh mengawal atau boleh menangkis berita-berita buruk seperti **itu**. Bukan itu sahaja umpamanya seperti isu GSP. Isu Perdana Menteri kononnya akan dijadikan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu umpamanya dan lain-lain berita yang bertujuan menjejaskan imej Kerajaan dan imej rakyat yang cintakan keadilan, kedamaian di negara kita ini.

Soalan yang kedua, apakah BERNAMA peka dengan keadaan ini dan adakah ikhtiar-ikhtiar dibuat bagi menentukan penyiaran berita di luar negeri ini tidak berleluasa dan dapat kita kawali atau dekati supaya ianya tidak berlaku seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Selain daripada itu, apakah dengan Akta ini nanti BERNAMA boleh mengambil tindakan sekiranya ada di antara media cetak di negara ini yang engkar dengan terma-terma yang disebutkan ini kerana kita dapat juga di negara kita sekarang ini media cetak yang kadang-kala agak pelik bin ajaib menyiarkan berita-berita yang kontroversi, sensasional dan menyentuh peribadi-peribadi, dan bukan sahaja itu, bahkan membuat fitnah-fitnah yang boleh memecah-belahkan perpaduan rakyat.

Kalau ikut Akta Hasutan, Datuk Presiden, rasanya banyak tindakan yang boleh kita ambil, kalau dikira daripada Akta Penerbitan pun ada banyak benda yang boleh kita ambil. Tetapi saya sangat gembira, Kerajaan yang ada sangat-sangat adil. Kalaulah parti-parti yang sedang berpakat-pakat hendak bersatu ini iaitu seperti APU, saya percaya kebebasan media massa kita akan tersekat, akan dihadkan, akan ditentukan, hanya boleh menghalu ke fikiran, cara, citarasa mereka sahaja. Satu contoh, dalam satu himpunan muktamar PAS, nyaris-nyaris enam wartawan dibakar hidup-hidup. Ada banyak suratkhobar, terutamanya daripada kumpulan Utusan Melayu, yang banyak jasa, tidak dinatikan kepada pembagunan negara, fikiran rakyat telah dibakar. Malangnya yang dibakar itu suratkhobar yang mereka sudah baca habis - tidak apalah - bukan yang baru, yang sudah

sebulan, tiga bulan, empat bulan, yang sudah hendak dijual kira-kira timbang, yang itulah yang mereka bakar. Artinya mereka pun masih peka juga dengan suratkhbar itu - hanya sebagai satu tunjuk perasaan. Namun begitu, janganlah diambil kesempatan di atas liberalnya Kerajaan yang ada, di atas liberalnya BERNAMA, janganlah diambil kesempatan, be rational, dengan izin.

Saya ingin menyentuh sedikit fasal 7 iaitu bertujuan meminda seksyen 7 Akta berkenaan bagi memperuntukkan supaya seorang Naib-Canselor mana-raana satu Universiti di Malaysia hendaklah dilantik menjadi anggota Majlis Penyeliaan. Saya rasa bersetuju benarlah, sebab Naib-Canselor ini mungkin seorang yang, bukan mungki, biasanya dari kalangan orang-orang profesional yang bijaksana, yang memahami berbagai-bagai perkara, terutamanya dalam media massa dan hal-hal komunikasi. Jadi elok sangat ada di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai pelapor-pelapor yang ada di Dewan ini. Tidak lama dahulu Wanita UMNO mengadakan satu perjumpaan, yang bertujuan untuk bersilatullahim dengan media massa. Perjumpaan itu telah dihadiri oleh banyak media massa dan kemudian diadakan dialog. Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menyatakan ialah rasa terkejut saya dan kawan-kawan saya Senator wanita yang ada di Dewan ini apabila seorang wakil daripada sebuah akhbar yang terkenal mengatakan bahawa Senator-senator wanita di Dewan ini tidak pernah bercakap perkara-perkara yang dinamik, perkara-perkara yang membawa kepada message untuk rakyat atau yang bernilai. Semuanya, katanya, nothing. Senator wanita kita bercakap di Dewan ini perkara—perkara remeh-temeh dan nothing, no message at all. Saya rasa sedih. Kalaulah ada wakil-wakil wartawan yang ada di

dalam Dewan ini, saya ingin membuat saranan, kalau adik-adik, puan-puan, saudara-saudari merasa keletihan kerana menunggu laporan-laporan yang eksklusif, cerita-cerita yang berunsur seks atau perkara-perkara yang boleh jadi kontroversi, maka lalu berasa bored, boring, pergi ke kantin, bila tidak bawa balik laporan, Pengarang mungkin bertanya, jawabnya - nothing. Yang kena sekali, Senator wanitalah.

Tuan Yang di-Pertua, sedih kami kerana rasanya kami inipun mengerti juga tanggungjawab kami di Dewan Negara ini. Hendak sampai ke Dewan Negara ini kami telah dibelasah daripada angkar umbi, mengetahui masalah rakyat di pedalaman, di luaran, pembangunan negara, peka kepada perkembangan perekonomian, perindustrian, dasar negara di luar negeri dan lain- lain. Yang paling sedih, tidak pernah keluar pun. Entah apakah silapnya, entah apakah malangnya nasib kami ini semua. Kalau wanita memberi hujah-hujah jaranglah mendapat tempat. Tidak apalah, mungkin telah discover oleh teraan Senator lelaki kerana biasanya bila kami bangun, Senator lelaki dahulu mendapat tempat - topik tidak boleh ubah. Kalau Akta itu berkenaan dengan ini, bolehlah saya menyeleweng sedikit. Kami mesti bercakap atas topik yang ada dan biasanya kami dapat juga memberikan beberapa pandangan, cadangan, soalan yang agak terancang dan peka juga kami dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembimbingan-pembimbingan fikiran rakyat. Yang sedih saya ialah penilaian. Jangan .kita designkan seseorang itu raengikut perasaan dan tahap pemikiran kita sendiri. Mungkin kita tidak begitu tertarik dengan tajuk-tajuk yang duli Umpamanya, masalah dadah, masalah industrial, masalah industri kecil, masalah orang-orang kampung yang

tidak mendapat pembelaan, masalah-masalah mengenai 20PPAN, Selatan Selatan dan lain-lain kerana pemimpin besar sudah bercakap, maka lalu dikatakan Senator wanita prestasinya sangat merosot, bercakap fasal titik-bengek dan rendah mutu penyertaannya.

Saya dengan rasminya meminta yang berkenaan sila tarik balik tanggapan yang berkenaan dan kalau memerlukan bukti benar atau tidak Senator wanita dalam Dewan ini boleh bercakap perkara yang berkaitan dengan permasalahan negara maka sila tunggu dengan ikhlas, buka fikiran, jangan tutup fikiran. Yang sedih, yang berkenaan selalu berada di kantin dengan kawan-kawan jadi mungkin tidak berapa dengar apa yang kami cakap walaupun baik atau tidak baik.

Kami banyak menyarankan perkara-perkara masalah penindasan kepada wanita-wanita, pembelaan kepada janda-janda dan beberapa cadangan-cadangan untuk pembelaan kepada pekerja-pekerja kilang dan banyak lagi. Ada semuanya dalam Hansard. Biasanya kami kalau hendak bercakap kami pun buat homework juga, tidaklah akan bercakap perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan agenda-agenda atau aturan-aturan permesyuaratan di Dewan Negara **ini**. Tetapi yang peliknya, kalau kita sentuh sedikit sahaja perkara yang sensitif, terutama perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara yang kontroversi, yang ada kaitannya dengan sedikit masalah seks atau peribadi, oh! front page, dengan izin. Saya kurang faham apakah perkara-perkara yang sensitif yang merangsang sahaja boleh dapat tempat tetapi perkara-perkara lain yang membangun, perkara-perkara lain yang merupakan bimbingan, perkara-perkara lain yang merupakan satu penyertaan, satei penglibatan suara tidak diambil kira.

Dengan rasa hormat saya kepada para wartawan dan tidak dinafikan memberi khidmat-khidmat yang cemerlang dengan rasa hormat saya yang tidak terhingga kepada Editor-editor, Ketua-ketua Pengarang di semua media cetak kita, maka saya mengharapkan perkara yang sedemikian ini sebelum bercakap berfikirlah dahulu dan janganlah sentimen sangat dengan kami kerana sesuatu atau kerana tidak ada hubungan rapat atau perkenalan antara kita. Kalau pun kami tidak kenal tetapi kami cinta kepada penulis-penulis. Tak usahlah dikeluarkan berita-berita kalau ianya difikirkan tidak sesuai pada pendapat saudara-saudari, pendapat negara insya Allah, kerana banyak apa yang kami suarkan di Dewan ini dijadikan Akta, dijadikan dasar dan diambil kira oleh Kerajaan yang diwakili oleh Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Ada juga kalanya mereka ini berasa panas sedikit dengan teguran-teguran dalam pertanyaan-pertanyaan jawapan mulut oleh wanita-wanita, umpamanya Senator Hajjah Salbiah membawakan perkara mengenai imbuhan janda-janda dipotong apabila sampai tahap yang tertentu. Maka Menteri Kewangan spontan sahaja bersetuju dengan cadangan itu. Saya rasa itu satu perkara yang baik, bukan remeh-temeh - tidak remeh-temeh. Sekali lagi jangan nilai percakapan kami mengikut cahap Hkiran sendiri yang sudah raungkin keletihan atau 'boring' atau tidak fahara dan tidak peka atas apa perkara yang kami katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dan meraohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan rasa rendah kami di atas bersarnya Presiden Dewan Negara yang budiman, terkenal dengan hemahnya yang begitu banyak jasanya bukan sahaja kepada Dewan ini, juga kepada masyarakat luar yang menjadi utusan perhubungan silaturrahim yang erat di antara Sarawak dengan Semenanjung, yang budiman, yang selalu sahaja menderma apa sahaja perkara-perkara yang berkaitan dengan permasalahan kebajikan, iaitu kepada Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai, Yang di-Pertua Dewan Negara yang akan habis perkhidmatatmya tidak lama lagi setelah memberikan khidmat mulla cemerlangnya di Dewan ini selama enam tahun.

Sesungguhnya amat sukar untuk mencari seorang Yang di-Pertua seperti beliau. Beliau terkenal sangat bertoleransi, disenangi oleh semua anggota Dewan, tidak pernah menimbulkan permasalahan-permasalahan, sentiasa menjadi pendamai perujuk kepada apa sahaja perkembangan-perkembangan yang membawa kepada pertelagahan pendapat

di Dewan ini. Sentiasa sahaja mendorong Ahli-ahli Dewan Negara supaya sentiasa mengawal tingkahlaku percakapan masing-masing dan jangan terlalu emosi membawa apa-apa sahaja usul atau isu di Dewan ini dan sentiaaa memelihara perpaduan dan silaturrahim di antara Senator-senator khaanya dan di antara Dewan Negara dengan Dewan Rakyat amnya. Kalaulah saya boleh berkata dan kalaulah saya boleh menentukan, mahulah rasanya Yang di-Pertua ini diberikan satu tertn lagi untuk memberikan khidmatnya di Dewan Negara. Dukacitanya kerana aturan peraturan 'Dewan Negara dan kenegaraan tidak mengizinkan perkara yang deraikian kecuali dipinda.

Pernah saya dan kawan-kawan membawa usul di Dewan ini supaya "senatorship" ataupun tempoh senator ini tidak dihadkan kepada perkara-perkara tertentu dan yang difikirkan diperlukan, tetapi belum lagi mendapat perhatian. Dengan rasa sedih bercampur syukur saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau dan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau dan rasa penghargaan kepada beliau yang telah berkhidmat dengan penuh cemerlangnya selama ini dan kalau beliau tadi menyebut dalam ucapannya memohon maaf atas apa kesilapannya - sebenarnya tidak ada - maka saya juga ingin melafaskan sebuah pantuan sebagai kenangan;

Nyiur gading puncak mahligai,
sayang ketupat intinya dua,
hancur daging tulang bercerai,
khidmatnya yang cemerlang dikenang jua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong akan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

4.46 ptg.

Tuan Railey bin Haji Jaffery: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin yang telah membahaskan panjang lebar berkenaan dengan Akta Pindaan BERNAMA 1990.

Seperti yang saya terangkan dalam penyampaian saya sebentar tadi, bahawa pindaan yang dicadangkan kepada Akta BERNAMA yang ada pada kali ini tidaklah semata-mata untuk menyekat mana-mana pihak daripada kebebasan akhbar yang ada di negara ini dan berkenaan satu perkara yang sering dicimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin, iaitu berkenaan sama ada BERNAMA ada membuat usaha untuk menyekat sebarang penyiaran berita-berita yang kontroversial atau pun yang memburukkan negara di luar negeri yang sebenarnya BERNAMA tidak berdaya untuk menyekat penyiaran berita-berita negatif di luar negeri yang dilakukan oleh pihak-pihak akhbar luar negeri kerana ini sama sekali di luar kawalan BERNAMA. Walau bagaimanapun, kita berharap pada masa-masa yang akan datang kita akan cuba dengan sedaya upaya untuk membendung atau menyekat sebarang penyiaran berita-berita yang disiarkan di luar negeri yang ada hubungkaitnya dengan imej negara kita di pandangan luar negeri.

Berkenaan dengan perkara-perkara lain yang telah ditimbulkan sama ada yang ada hubungkaitnya secara langsung atau tidak, aaya ingin memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Penerangan melalui BERNAMA akan sentiasa mengambil perhatian di

semua bidang yang ada hubungkaitnya dengan pemberitaan melalui BERNAMA. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sekian sahaja yang perlu saya sampaikan yang tnerupakan satu jawapan secara menyeluruh dan ringkas berkenaan perkara yang ditimbulkan berhubung dengan pindaan Akta BERNAMA 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawankuasa.

Dewan bersidang aebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN JUALAN) (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.50 ptg.**

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Taan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk "suatu Akta untuk meminda Akta Ubat Iklan dan Penjualan 1956" supaya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang diPertua, Akta Ubat Iklan dan Penjualan adalah satu Akta untuk mencegah iklan-iklan tertentu yang berhubung dengan perkara-perkara perubatan dan untuk mengawal penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta bagi membolehkan badan-badan dan institusi-institusi perubatan di sektor swasta menyebarkan maklumat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di badan-badan dan institusi-institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Akta tidak membenarkan penyiaran iklan-iklan yang merujuk kepada kemahiran atau perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan penyakit supaya mendorong seseorang mendapatkan nasihat pengiklanan.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan telahpun menerima permintaan dari institusi-institusi perubatan swasta untuk membenarkan mereka menyebarkan maklumat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di institusi-institusi tersebut.

Kementerian Kesihatan telahpun menimbang dan membincangkan perkara ini dengan badan-badan berkenaan termasuk Majlis Perubatan Malaysia, iaitu badan yang mentadbirkan hal-hal yang berkaitan dengan profesyen perubatan.

Kementerian Kesihatan masih mempunyai pendirian bahawa pengiklanan perkhidmatan dan kemahiran seseorang pengamal perubatan adalah bertentangan dengan kepentingan orang ramai. Walaia bagaimanapun, Kementerian Kesihatan juga mengaku bahawa orang ramai pada masa ini mungkin tidak sedar sepenuhnya tentang perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di sektor swasta. Bagi pesakit-pesakit, maklumat terhadap perkhidmatan dan kemudahan perubatan mungkin berfaedah apabila mereka ingin mendapati rawatan, manakala bagi pengamal-pengamal perubatan pula maklumat itu akan membolehkan mereka menasihatkan pesakit-pesakit terhadap pemilihan institusi-institusi perubatan yang mempunyai perkhidmatan dan kemudahan yang memenuhi kehendak pesakit tersebut,

Berasaskan kepada faktor-faktor ini, Kementerian Kesihatan bersetuju bahawa orang ramai boleh dimaklumkan tentang perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati di institusi-institusi perubatan di sektor swasta. Walaupun begitu, maklumat yang diaibakan itu mestilah benar dan cepat dan tidak harus menyerupai suatu iklan yang bertujuan untuk menarik orang ramai. Ini akan ditentukan oleh sebuah Lembaga Iklan iaitu sebuah Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan di bawah Akta ini dan Lembaga ini akan mengikut garis panduan-garis panduan yang tertentu, yang akan dirangkaikan. Tambahan kepada perkara ini, Kementerian Kesihatan juga telahpun mengenalpasti beberapa peruntukan di bawah Akta yang tidak begitu

jelas ataupun mempunyai kelemahan atau yang tidak begitu berkesan. Dengan demikian Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memperbaik dan memperkukuhkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan seperti berikut.

Pertama, berasaskan perakuan bahawa orang ramai boleh diberi maklumat yang benar dan tepat tentang perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang sedia ada di sektor swasta, maka Kementerian Kesihatan mencadangkan supaya Akta dipinda di mana hospital-hospital persendirian, klinik-klinik perubatan swasta, klinik-klinik radiologi swasta dan makmal-makmal perubatan swasta yang dikendalikan oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar, boleh menyebarkan maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang boleh didapati daripada mereka. Walau bagaimanapun, pindaan ini akan memperuntukkan bahawa sebarang maklumat yang disiarkan ini perlu diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

Kedua, buat masa ini terdapat suatu kekaburan (ambiguity) terhadap taksiran istilah "iklan" dalam Akta. Takrif istilah "iklan" yang wujud sekarang tidak begitu jelas sama ada ianya meliputi laporan wartawan ataupun rencana di dalam suratkhbar ataupun majalah. Perkara ini telah menimbulkan masalah semasa pendakwaan kes di bawah Akta ini dilakukan. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan mencadangkan suatu pindaan dengan memasukkan perkataan-perkataan "laporan" dan "ulasan" ke dalam takrif istilah 'iklan' untuk menjelaskan bahawa "laporan" dan "ulasan" termasuk dalam bidang yang ditakrifkan itu.

Ketiga, mengikut peruntukan yang sedia ada di bawah Akta, "pegawai berkuasa" yang menguatkuasakan, undang-undang ini adalah ditakrifkan sebagai seorang "ahli farmasi berdaftar". Istilah "ahli farmasi berdaftar" sekarang ini bererti seseorang ahli farmasi yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 yang terpakai hanya di Malaysia Barat sahaja. Oleh itu, walaupun Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) berkuatkuasa di negeri Sabah dan Sarawak, akan tetapi seseorang ahli farmasi dalam perkhidmatan awam di negeri itu tidak boleh dilantik sebagai pegawai berkuasa.

Untuk memperbetulkan keadaan ini Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan kepada Akta supaya membolehkan mana-raana ahli Farmasi dalam perkhidmatan awam dilantik sebagai 'pegawai berkuasa'.

- (iv) Beberapa suratkhbar dan majalah tempatan telahpun seringkali menyiarkan iklan-iklan ataupun laporan-laporan yang mendorong penggunaan alat-alat seperti keris, kacip, pahat dan sebagainya untuk mencegah, merawat ataupun mendiagnosis penyakit-penyakit. Iklan-iklan dan laporan-laporan seperti ini, yang mungkin bertujuan menipu orang ramai, tidak dapat dikawal dengan peruntukan-peruntukan yang sedia ada pada masa ini. Sebabnya ialah peruntukan hanya melarang iklan-iklan yang mendorong penggunaan ubat dan bukan alat untuk mencegah ataupun merawat penyakit. Untuk melindungi kepentingan orang ramai, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan supaya melarang iklan-iklan yang mendorong penggunaan ubat serta alat dan penyembuh (remedy) untuk mencegah, merawat dan termasuk mendiagnosis penyakit-penyakit.
- (v) Pada masa ini, larangan di bawah Akta terhadap iklan-iklan yang merujuk kepada kemahiran dan perkhidmatan hanya berhubung dengan rawatan penyakit-penyakit sahaja. Maka iklan-iklan yang berhubung dengan pencegahan dan diagnosis penyakit masih disiarkan dan tindakan undang-undang tidak dapat diambil. Untuk

memperbetulkan kelemahan ini, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan bahawa larangan terhadap iklan-iklan ini diperluaskan dan dijelaskan supaya meliputi iklan-iklan yang berhubung dengan pencegahan dan diagnosis penyakit-penyakit. Pindaan ini juga akan membolehkan iklan-iklan yang disiarkan oleh klinik radiologi swasta dan makmal perubatan swasta dikawal seperti yang telah dicadangkan dalam pindaan pertama.

(vi) Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, pegawai berkuasa yang dilantik di bawah Akta, menghadapi masalah dalam penyiasatan kerana orang yang didapati tahu tentang hal-hal Keadaan kes selalunya menjauhkan diri daripada pemeriksaan oleh pegawai berkuatkuasa. Perkara ini menyebabkan kehilangan tenaga manusia dan masa. Oleh itu Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan untuk memberi kuasa kepada seorang pegawai berkuasa memerintah mana-mana orang yang tahu tentang kes itu hadir di hadapan pegawai itu bagi maksud pemeriksaan (investigation), dengan izin. Tujuan pindaan ini ialah untuk mempermudah penyiasatan sedemikian.

(vii) Mengikut prosedur (procedure), dengan izin, mengenai pendakwaan yang diperuntukkan di bawah Akta, seorang ahli Farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam dikehendaki diberi kuasa untuk mendakwa secara bertulis oleh Pendakwa Raya terlebih dahulu. Selepas itu beliau juga dikehendaki mendapat izin secara bertulis daripada Pendakwa Raya. Hanya dengan dua 'izin' ini, ahli

farmasi boleh menjalankan. pendakwaan. Kementerian Kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, berpendapat prosidur yang mempunyai dua langkah ini tidaklah begitu perlu. Oleh itu Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan. bahawa hanya pegawai berkuasa boleh menjalankan pendakwaan dan beliau hanya perlu mendapat izin secara bertulis daripada Pendakwa Raya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ketujuh pindaan-pindaan ini adalah merupakan pindaan-pindaan utama dalam Rang Undang-undang. Terdapat juga pindaan-pindaan lain, akan tetapi ia adalah pindaan-pindaan yang kecil ataupun yang bersampingan sahaja. Kesemua cadangan-cadangan pindaan-pindaan yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini adalah amat penting untuk melindungi kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon supaya Rang Undang-undang Akta Ubat (Iklan dan Penjualan)(Pindaan) 1990 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon raencadangkan.

Dato' Dr. K.S. Hijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, 'masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dibacakan ,kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.06 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, gaya banugn sekali lagi untuk menyokong dengan beberapa ulasan kepada Rang Undang-undang yang bemama suatu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Tuan Yang di-Pertua, terutamanya saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan. dan kepada Timbalan Menterinya yang memang kita kenali sebagai seorang pemimpin yang dedikasi yang sentiasa peka atas apa sahaja perkembangan, rayuan dan juga rungutan-rungutan orang ramai. Semenjak beliau ada di Kementerian berkenaan, banyak perkara-perkara yang disuarakan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberikan perhatian serius, mialnya masalah-masalah alat kelengkapan, layanan, pertambahan kakitangan hospital, masalah kebajikan doktot-doktor, jururawat-jururawat, pembantu-pembantu makmal dan lain-lain yang banyak lagi. Ini menunjukkan satu lagi keupayaan dan kepekaan Kerajaan kita terhadap masalah rakyat umura, terutama yang berkaitan dengan kesihatan, satu fungsi yang sangat penting dan mustahak. Kalau rakyat tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua, negara juga tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lega dengan pindaan ini kerana di Dewan ini pun saya banyak kali membangkitkan kisah-kisah al-iklan yang banyaknya berunsur kepada khayalan dan berbentuk kepada tahyul. Dan juga banyak juga beberapa pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan berniaga atas angin dengan menggunakan iklan-iklan secara terbuka atau secara tertutup untuk merawat pesakit-pesakit melalui cara-cara sama ada alat ataupun perubatan yang sebenarnya tidak pernah diteliti dan banyak menimbulkan, bukannya sihat tetapi bertambah mudarat, terutamanya, mengenai perubatan-perubatan yang berbentuk tradisional.

Dengan rasa hormat kepada perubatan tradisional yang memang sudah dikenalpasti membantu masalah pesakit dan melegakan orang-orang yang sakitt terutamanya melalui kepercayaan-kepercayaan semua kaum yang ada di negara kita ini, saya merasakan Akta ini akan dapat memberi perlindungan kepada mereka yang mungkin tidak begitu terdedah dengan penerangan yang tidak begitu arif dengan masalah perubatan yang masih belum lagi dapat atau mahu menggunakan kemudahan-kemudahan perubatan yang disediakan oleh pihak Kerajaan yang telah sampai ke pendalaman, kampung atau luar kampung sekarang ini, atau kepada perubatan-perubatan yang sudah dikenalpasti atau mendapat kelulusan daripada Bahagian Farmasi atau pihak berkuasa perubatan di negara kita ini.

Saya ingin menyentuh umpamanya seperti ubat-ubat yang kadangkala disiarkan oleh media massa juga iaitu daripada televisyen, radio dan juga surat-suratkhabar. Yang paling banyak sebab di suratkhabar kalau ada iklan yang membayar, dia tidak akan tapis, dia pasti akan siarkan dengan tujuan Sumber kewangan. Umpamanya dahulu terkenal sejenis minuman ubat yang boleh menyihatkan semua penyakit dan boleh menyegarkan tenaga-tenaga termasuk tenaga solit terutamanya kepada orang lelaki, akar akoson namanya. Maka banyaklah orang-orang yang telah tertipu dengan adat berkenaan, makan enam bulan bukan tenaga batin yang cergas, tenaga zahir pun habis lemah dan timbul bengkak-bengkak dan menimbulkan sejenis penyakit lain di limpa dan di paru-paru.

Begitu juga jenis-jenis iklan yang berlandung dibalik jenama-jenama. Jenama-jenama umpamanya termasyhurlah seorang yang ternama kerana rawatan urutan yang menggunakan ubat-ubat tradisional. Maka berlumba-lumbalah orang pergi ke situ. Maka dikenakan bayaran-bayaran tertentu, macam klinik, Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini buka klinik, saya tidak tahu sama ada berdaftar atau tidak, tetapi ada klinik dipanggil klinik itu, kilinik ini tanpa mahu menyentuh kerana saya tidak menyiasat sama ada mereka ini mendapat kebenaran daripada pihak Kerajaan, ada permie tertentu atau tidak tetapi banyak klinik tumbuh di mana-mana. Bahkan ada iklan ditepi-tepi jalan, nanti disebut di situ 'Bomoh ajaib', 'Bomoh mata yang terkenal'. 'Adakah tuan-tuan bermasalah mengenai kebatinan? Sila berjumpa dengan bomoh ini, bomoh ini', terang, besar tulis iklan ditepi jalan. Saya tidak tahu dapat kebenarankah tidak daripada Majlis Perbandaran. Kalaa di Wilayah Persekutuan ini adakah papan iklan ini mendapat kebenaran daripada pihak berkaasa Dewan Bandaraya. Sebab biasanya hendak pasang iklan, atau poster, atau apa sahaja yang berukuran tertentu mesti minta kebenaran, tulis bcsar-besar berderet orang datang. Sebab rakyat dalam negara kita ini sebenarnya banyak yang ingin kepada perkara yang pantas dan pasti.

Ini terdapat juga kelemahan sedikit di Hospital-hospital, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukanlah semuanya bagus tetapi ada juga lagi yang perlu diperbaiki. Jadi, di Hospital di Kuala Lumpur ini telah banyak perubahan, di hospital di tempat-tempat lain kadangkadangkang ibu berqueue bukan main panjang kerana demam hendak jumpa doktor. Sampai sahaja ke pintu, cukup pukul 12.00, doktor balik makan, tidak dapat jumpa, tunggu pukul 2.00, queue lagi, pukul

4.30 doktor balik, tidak dapat jumpa. Demam pun berlarutan, balikhlah. Lalu taringat kepada iklan iaitu kepada 'Pak Busu' umpamanya yang boleh mengubati penyakit telah dan demam dengan akar-akar kayu. Tanpa mengetahui ada di antara akar-akar kayu yang diberikan itu, yang direbuskan ita mengandungi racun, empat hari kemudian keluar berita telah jadi Allahyarham, 'gone case', terdapat beberapa peristiwa begini.

Wanita-wanita juga suka benar pergi kepada bomoh-bomoh ataupun kepada perubatan-perubatan yang tidak diteliti ini, untuk mendapatkan pertolongan terutama kalau suami-suami telah lain macam. Maksud lain macam itu yaag balik ke rumah letih sahaja, tidak banyak bercakap, dan selalu balik pukul 10.00, balik pukul 1.00 malam, tidak bercakap dah, keletihan yang amat sangat dan langsung tidak memperindah isterinya. Jadi, isterinya merasakan sesuatu, mungkin ada kelemahan. pada dirinya maka tengok iklan, lalu pergi ke situ, sama ada perubatan ini melalui minuman, ubatan, perkakas atau fatwa-fatwa tidak tahalah. Tetapi segalanya diamalkan malangnya masalah tidak selesai juga. Jadi, ini merupakan satu penipuan. Bagus sangatlah Akta ini ditonjolkan, dibuatkan, cuma perlaksanaannya nanti

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Minta penjelasan. Apakah jenis yang dikatakan 'lemah' itu ataupun orang lelaki yang dikatakan penyakitt 'pelik-pelik' itu apa dia, ittu saya hendak response lebih tepat sedikit [Ketawa].

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Timbalan Menteri yang saya sebutkan penyakit yang lemah tadi itu ialah senjata pusaka datuk nenek. Jadi, yang ada pada

setiap manusia, yang menentukan jantinya dan ada hubungannya dengan permasalahan seks. Kadangkala orang-orang yang bermasalah begini pergi ke bomoh, bukan sahaja dapat memperbatalkan alatnya malahan sudah jadi macam orang kena AIDS pula. Jadi, keseluruhan daya tahannya jadi lemah kerana racun daripada ubat yang tidak dikenalpasti tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu terdapat juga orang-orang kita di pedalaman umpamanya di estet-estet dan juga di sektor perkilangan yang jauh di pedalaman, di ladang-ladang umpamanya, mereka int jauh sedikit daripada perubatan, ada klinik bergerak tetapi seminggu sekali umpamanya dan mereka ini selalu menerima berbagai-bagai penyakit, juga selalu menggunakan perubatan-perubatan yang di luar daripada kawalan ini. Ini menyebabkan bahaya-bahaya, ada jangka pendek, ada jangka pautang kepada naluri ataupun kepada tubuh badan yang berkenaan.

Saya juga rasa bersetuju dan menyokong penuh dengan Akta ini mengenai Fasal 8 iaitu sub-seksyen (2) iaitu di mana Seksyen 6F Akta ini diuntungkan pegawai-pegawai tadi tidak payahlah sampai berduplikasi, tidak payahlah sampai dua orang hendak dapatkan kebenaran, jadi tindakan itu nanti lambat kerana penuaan dan pengiklanan ubat-ubatan yang agak merbahaya atau yang mungkin merbahaya sedang berkembang hebat di negara kita ini iaitu apabila kita persoalan mereka akan menjawab. Mereka merebut peluang-peluang Dasar Ekonomi Baru dalam lapangan pemiagaan, perusahaan dan perdagangan. Jadi, tidak kiralah walaupun daun limau yang mereka ambil kemudian ditaruh sedikit itu, ini, itu, ini lalu dijual sebagai ubat yang kononnya boleh menyembuhkan berbagai-bagai penyakit.

Sata lagi penjual-penjual ubat yang ada di pasar-pasar malam. Kita tidak niat hendak menyekat rezeki mereka kerana usaha mereka itu baik, tetapi biarlah ianya terkawal dan dikawal kerana dengan ubat-ubat yang diberinya iklan berleluasan secara microphone secara contoh-contoh di tempat yang berkenaan menarik perhatian client-client atau pelanggan-pelanggan lalu mereka pan membeli ubat-ubat yang berkenaan dengan harga-harga tertentu, bawa balik kemudian didapati abat ini tidak berhasil, malahan ada ubat yang tidak sesuai untuk kanak-kanak diberi kepada kanak-kanak. Ada kejadian yang ubatt itu diberi kepada kanak-kanak hilang suara anak yang berkenaan iaitu ianya merosakkan peti suara hingga dua tahun lamanya.Pernah kejadian dilaporkan kepada kami sewaktu kami berdialog dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu iklan di XV juga ini yang menggunakan wanita, yang menggunakan jenama atata professionalism.Umpamanya berus gigi.Doktor ini mengatakan beras gigi inilah yang terbaik sekali. Cuba lihat di iklan, ada tidak terbabit dengan Akta ini. Saya ingin bcertanya apakah iklan-iklan yang demikian, yang mengeksploitasikan keghatrahan kanak-kanak atau perempuan, wanita lalu menggunakan berselindung dibalik di kalangan professionalism ertinya doktor ataupun tukang masak yang terkenal dan laia-lainnya tetapi sebenarnya iklan itu utiauk satu company tertentu sahaja. Doktor itu katta berus gigi 'A' yang bagus, bagaimana dengan berus gigi 'B' atau 'C' umpamanya. Kemudian daya tarikan kepada anak-anak atau kanak-kanak, ibu itu kalau beli ubat ini beri anaknya selsema, beri

sekejap sahaja anak itu sudah baik, elok, tidur, anakku sayang umpamanya sedangkan ubat ini kita tidak tahu saraa ada ianya telah mendapat kelulusan atau tidak. 'Contact 500' umpamanya, setelah ianya merebak begitu luas dan banyaklah organ-organ manusia yang telah binasa baru ianya diharamkan, itu pun bukan diketahui oleh semua pihak, baru-baru ini kita pergi tnelawat kc safu perkampungau kiEa narapak dengan jelasnya seorang ibu menggunakan 'Contact 500' memberi anaknya yang selsema dan kita tegur dia, dia kata, "Saya tidak tahu hal, saya telah pakai ubat ini dua, tiga cahun," begitu, jadi, walaupun barangkali kesan-kesan daripada bahaya ubat itu lambat tetapi ianya merosakkan pada jangka panjang organ-organ anak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Parttua, balik kcpada perkara Akta **ini**, saya menyokong penuh dan mengharapnkan ianya dapat dilaksanakan dan dengan ini kalau pun Eidak boleh menghapuskan perkara-parkara yang kita bimbangnkan ini sekurang-kurangnya boleh meredakan dan hendaklah Akta ini dihebahkan, yang menjadi satu penyakit kepada masyarakat kita ialah rakyat tidak tahu tentang hak mercka dan tidak mendapat penjelasan yang jelas mangenai. Akta-aktta yang melindungi mereka.Apa Akta sahajalah yang bolah menjadikan mereka itu bernaung, mereka hanya tahu kalau ada penjelasan secara spontan atau kalau mereka itu seorang yang agak berpelajaran tinggi atau ada pendedahan dari sagi bacaan, tetapi kepada orang-orang yang tidak berpeluang dan yang tidak rajin menengok TV kalau siaran itu yang berkaitan dengan pengumuman atau permakluman, mereka di dalam gelap dan masih juga membuat perkara-perkara yang kita telah jadikan Akta ini dan banyak jaga kajadian-kejadian yang tidak diingini berlaku walaupun kita punya banyak Akta-akta perlindungan. Umpamanya macam Akta

Perdagangan Hak Pangguna, Akta Perlindungan kepada Wanita dan Kanak-kanak dan lain-lain, racreka tida faham Akta **ini**.

Taan Yang di-Perfiua, dengan menyokong Ata ini saya merayulah kepada media massa daripada banyak sangat mengeluarkan cerita lembu kaki kembar tiga, tikus dengan harimau, harimau beranak tikus dan juga cerita-cerita yang memang ada mesej juga tetapi agak ringan eloklah sebarkan Akta-akta ini supaya rakyat mengetahui bahawa perkara ini salah, tidak betul, supaya mereka mendapat penjelasan.

Selain daripada itu kepada para pemimpin terutamanya Senator-senator kita yang banyak ini, yang panya anak buah, elok jugalah kita pun bersama-sama memberikan penjelasan-penjalasan kerana ini sangat, rapati kaitannya dengan rakyat ramai dan ianya sudah menjadi sebagai satu parkara amalan, darah daging kepada mereka, sukar mereka hendak mengubahnya, tidak usah lain, ubat "Cap Kaki Tiga" itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri, audah disiarkan ubat" Cap Kaki Tiga" ini mengandungi drag yang berlebihan, tidak banyak unsur perubatan, boleh merosakkan kesihatan terutamanya boleh mendatangkan cancer dan lain-lain tetapi "Cap Kaki Tiga" masih popular lagi dan masih mendapat keuntungan yang banyak dan digunakan bukan sahaja oleh orang yang kurang pengetahuan, yang berpengetahuan pun menggunakan perubatan yang berkenaan.

Begitu juga pil-pil yang dijual oleh yang bukan dari doktor perubatan saya tidak faham barangkali kita panggil 'singse', kalau senang hendak menyebutnya, bukan sahaja di kalangan orang kita Cina, orang kita India, orang kita Melayu pun ada yang membuat ubat-ubat sendiri, ramuan sendiri daripada Indonesia umpamanya. Kita tidak pernah meneliti sama ada benar ubat-ubat ini genuine dan boleh menyihatkan atau mengandungi 'caffexne' dan mengandungi beberapa bahan-bahan kimia yang merosakkan.

Jadi, diharaplah selepas ini dapat kita kawal perkara-perkara demikian supaya tidak pula nanti masalah dadah ditambah pula dengan masalah penyalahgunaan ubat-ubatan, merosakkan organ rakyat kita dan menyebabkan mereka menjadi manusia yang tidak sempurna dan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong sekali lagi dengan sepenuhnya kesyukuran dan sepenuh perasaan akan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 ini dengan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kehakiman. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

5.20 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun menyokong Rang Undang-undang bernana suatu Akta untak meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Saya hanya ingin menyokong dengan secara ringkas sahaja Rang Undang-undang ini yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita telah maklun tujuan Akta ini dipinda ialah untuk membolehkan hospital swasta ataupun hospital yang didaftarkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 ataupun badan-badan perubatan untuk menyiarkan iklan ataupun maklumat yang betul kepada orang ramai dengan mengikat garis panduan-garis panduan di bawah Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sekarang ini ubat-ubat yang dikeluarkan oleh pereka-pereka ubat di Malaysia kebanyakannya tidak melalui kebenaran khas oleh badan penapis ubat-ubat, maka dengan adanya pindaan ini kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Kesihatan yang telah mengadakan suatu badan penapis yang terdiri dari pakar-pakar di dalam berbagai bidang dan saya rasa perlu jaga termasuk di dalam bidang agama untuk menbenarkan ubat-ubat itu diedar ataupun dijual di Malaysia. Begitu juga ubat-ubat yang dibawa masuk dari luar negara perlulah dibuat penapisan terlebih dahulu oleh badan-badan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubat makjun ataupun minyak gosok dan sebagainya adalah amalan masyarakat tradisional Melayu ataupun ramuan akar-akar dan kayu-kayu jaga dijadikan amalan oleh orang-orang Tionghua ataupun orang Cina. Ubat-ubatan ini perlulah joga mendapat pengesahan dari badan induk negara dan hendaklah dibahagikan kepada cawangan-cawangan di negeri agar ianya lebih berwibawa. Dari itu, di tiap-tiap negeri perlulah juga ada satu tempat khas pusat penapisan ubat-ubatan ini .

Saya rasa saya tidak akan berucap panjang, cuma hanya menyokong dengan secara ringkas sahaja. Maka sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Akta untuk meminda Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Timbalan Menteri untuk memberikan jawapan.

5.25 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Senator wanita yang telah bangun bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Ini menunjukkan Senator-senator wanita dalam Dewan ini mengambil berat tentang hal-hal yang telah dibangkitkan mengenai dengan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Ainon Ariffin telah membangkitkan dalam masa yaag singkat yang sempat saya catat ialah 9 perkara, tetapi walau bagaimanapun, saya cuba setakat mana yang boleh menjawab seringkas yang mungkin untuk menentukan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh, Senator Ainon itu mendapat response.

Pertama izinkan saya" bercakap berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Senator berkenaan dengan perubatan tradisional. Ini adalah atas perkara yang agak sukar untuk Kementerian menyatakan

dengan jelas oleh kerana terdapat di kalangan orang raraai sendiri yang kebanyakannya menggunakan ubat-ubat tradisional ini tanpa mengambil tahu akan mujarab atau tidaknya ubat tersebut. Maka timbul juga satu kumpulan manusia lain yang dikatakan oleh Senator tadi yang mungkin ada 'inclination' terhadap 'aphrodisiat', ubat-ubat yang ada kaitan dengan batin dan sebagainya. Ingin saya jelaskan di sini, izinkan saya gunakan perkataan sex stimulant, misalnya untuk memperkuat alat-alat jantinya, lelaki ataupun perempuan, this is aphrodisiat. Oleh kerana banyak orang yang telahpun membawa daripada mulut ke mulut berkenaan dengan baiknya ubat itu, maka tanpa menyiasat orang-orang yang sedemikian telahpun kadang-kadang mendedahkan dirinya kepada bahaya tersebut. Jadi, oleh kerana itu maka Kementerian Kesihatan telahpun mengambil inisiatif mulai tahun hadapan, insya Allah, kami akan mendaftarkan semua ubat-ubat tradisional daripada kumpulan yang dinamakan kumpulan Singseh yang diamal oleh orang-orang Cina, orang India dan orang-orang Melayu supaya ubat-ubat tradisional ataupun alternative medicine ataupun izinkan saya gunakan perkataan bahasa Inggeris, 'alternative' dan 'complementary medicine' yang tidak didaftar akan boleh diambil tindakan undang-undang.

Setakat ini, insya Allah, kita telahpun membuat pengumuman dan saya ingin menyatakan di Dewan ini bahawa kita telahpun mendapat kerjasama daripada institusi-institusi pengajian tinggi Universiti Sains Malaysia sebagai contoh, IMR dan pakar-pakar perubatan yang lain telahpun bekerjasama dalam hal ini dan kita telahpun mendapat makluman bahawa bukan semua ubat-ubat tradisional itu tidak baik, malahan ada ubat-ubat tradisional yang telah diakukan mujarab dan ada materia medicanya ubat-ubat. Oleh kerana itu, mulai tahun depan,

insya Allah, kalau diizinkan tahun, kita akan membuka satu daftar untuk mendaftar ubat-ubat tersebut dan jika sekiranya mereka tidak didaftar maka mereka tidak dibenarkan dijual kepada orang ramai.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator ialah berkenaan dengan iklan-iklan seperti abat gigi, berus gigi, contact dan sebagainya, insya Allah, ini akan dimasukkan dalam perubahan undang-undang tersebut dan akan dimorutor oleh satu jawatankuasa khusus untuk menentukan adakah iklan yang dikeluarkan secara elektronik ataupun secara cetak boleh dikeluarkan ataupun tidak. Sekiranya jawatankuasa ini ataupun panel ini tidak meluluskan, maka ia tidak boleh diiklankan.

Tujuan undang-undang ini adalah untuk melindungi orang ramai daripada terpengaruh dengan iklan-iklan yang mungkin mempunyai tujuan-tujuan komersial dan mengenyahkan tujuan-tujuan kesihatan, dan tujuan-tujuan keselamatan kepada orang ramai. Yang lain-lain saya ingat telah saya catat dan saya akan bawa hal-hal ini kepada pegawai-pegawai berkenaan. Berkenaan dengan 'Contact 500' ini saya ingat iklannya sudah berhenti setakat ini. Begitu juga dengan iklan-iklan yang lain yang mungkin raeiOesongkan pandangan orang ramai.

Senator Puan Hajjah Habidah telah membangkitkan berkenaan dengan ubat-ubat yang diimport, itu pun akan tertakluk kepada pendaftaran. Sekarang ini kita dapati bahawa ada ubat-ubat yang telahpun diguna di luar daripada Malayaia tidak diterima dan tidak didaftarkan di Malaysia oleh kerana ada sebab-sebab tertentu. Jadi, pada umumnya boleh saya katakan sebagai dasar, jika sekiranya ubat itu.tidak didaftar di Malaysia, ia tidak boleh dijual. Setakat ini kita ada list ubat-ubat yang telahpun didaftar dan kadangkala kita telah mendapati raereka cuba membuat Malaysia sebagai dumping ground. Oleh kerana itulah maka kadang-kadang ubat-ubat itu didapati di satu negara, tetapi tidak didapati di sini oleh kerana bahaya ataupun 'aide effect' telah didapati tentang penggunaan ubat tersebut.

Insyallah, dengan teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Senator tersebut, Kementerian Kesihatan akan terus peka akan perkara-perkara telah dibangkitkan dan kita harap dengan pindaan Akta ini kita dapat menjalankan pendakwaan dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDAHG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kuntpulanwang Pinjaman Peruraahan 1971 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 42 Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 supaya membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi kemudahan pinjaman perumahan secara terus kepada kategori-kategori kakitangan Kerajaan seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan Awam Negeri-negeri;
- (ii) Anggota Pentadbiran Negeri-negeri;
- (iii) Kakitangan Penguasa-penguasa Tempatan; dan
- (iv) Kakitangan Badan-badan Berkanun Negeri-negeri.

Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan mula dilaksanakan pada tahun 1970 dan Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan digubalkan dalam tahun 1971 untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi kemudahan pinjaman perumahan secara terus kepada kakitangan Kerajaan di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1980 yang membolehkan kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan secara terus diberikan kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri, pekerja Penguasa-penguasa Tempatan, Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri. Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1980.

Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan juga diperluaskan supaya membolehkan kategori kakitangan Kerajaan berikut menikmati kemudahan-kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli Majlis Parlimen, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan anggota Dewan Undangan Negeri. Walau bagaimanapun, Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 tiada mempunyai peruntukan untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada kategori-kategori kakitangan Kerajaan yang dimaksudkan tadi. Oleh itu, Akta ini perlu dipinda untuk membetulkan keadaan ini dan membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi kemudahan pinjaman perumahan secara terus kepada mereka.

Pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 juga bertujuan membolehkan Menteri Kewangan memberi pinjaman perumahan Kerajaan kepada mereka yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui perintah dalam Warta. Ini akan mengelakkan keperluan pindaan kepada Akta apabila kategori-kategori lain, jika ada, dibenarkan menikmati kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato K.S Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rajoo.

5.39 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1990 yang disatitkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini,

Seperti sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 5 Akta tersebut untuk mengadakan peruntukan bagi kategori-kategori baru orang-orang yang layak memohon pinjaman. Pindaan ini memberi peluang kepada anggota-anggota Perkhidmatan Awam sesuatu negeri dan pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Pindaan ini jelas membuktikan hasrat Kerajaan untuk membantu lebih banyak lagi orang-orang daripada beberapa sektor masyarakat memiliki rumah raelalui pinjaman peruraahan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang Pinjaman Perumahan yang ditubuhkan pada tahun 1971 telah memberi peluang kepada beribu-ribu kakitangan Kerajaan untuk memiliki rumah. Kerajaan telah memberi kesedaran kepada rakyat, terutama aekali kakitangan Kerajaan tentang pentingnya memiliki rumah sendiri. Banyak kakitangan Kerajaan telah mengambil pinjaman untuk memiliki rumah sendiri. Kumpulanwang ini berjaya menimbulkan suatu masyarakat pemilik rumah di negara ini, dengan izin a house-owning society in this nation.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar banyak komplek telah dilemparkan terhadap Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan tentang pentadbiran dan pelaksanaan Kumpulanwang ini. Ada yang komplek tentang pemerosesan permohonan pinjaman. Ada yang komplek tentang kelewatan menerima cek. Ada yang komplek tentang potongan pembayaran balik yang berlebihan dan sebagainya. Akan tetapi saya yakin dan percaya, kelewatan pemerosesan pinjaraan dan kelewatan menerima cek adalah perkara biasa yang tidak dapat dielakkan. Kerajaan terpaksa berhati-hati meluluskan pinjaman beribu-ribu ringgit itu sekali dalam perkhidmatan mereka agar tidak terdapat sebarang penyelewengan.

Saya sedar kakitangan Bahagian Pinjaman Perumahan terpaksa intertain beribu-ribu permohonan dengan kakitangan yang begitu kekurangan. Untuk mengelakkan komplek dalam suatu sektor yang begitu penting, saya berpendapat Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan melantik lebih banyak orang lagi yang mempunyai

kelayakan profesional dan berpengalaman ke Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan agar bahagian ini dapat bergerak dengan lebih kemas dan teratur lagi demi mengurangkan public complaint.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Kumpulanwang yang ditubuhkan itu telah activate ekonomi negara ini, terutama sekali dalam sektor pembinaan.

Industri pembinaan dapat nafas baru yang bergiat cergas akibat pinjaman perumahan ini dan beribu-ribu rumah telah dapat dijual-beli dengan begitu mudah dan senang. Tetapi malangnya, ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasikan situasi ini dengan menipu beratus-ratus orang dengan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini dengan sikap tamak haloba, mereka ingin menjadi jutawan dengan menipu orang-orang yang tidak berdosa ini. Mereka mengutip sebahagian besar wang daripada pembeli dan cabut lari ke tempat lain atau bersembunyi tanpa menyiapkan rumah-rumah pembeli. Projek perumahan yang mereka mulakan itu dibiarkan terbengkalai. Ini telah menyulitkan kehidupan pembeli-pembeli rumah ini di projek-projek begini.

Saya difahamkan terdapat 60,000 unit rumah dalam 250 projek perumahan yang bernilai \$3.5 billion yang terbengkalai. Pembeli-pembeli rumah dalam projek-projek perumahan ini menghadapi kesulitan yang besar kerana Kerajaan terpaksa tnetnotong sebahagian besar gaji mereka sebagai bayaran balik pinjaman, manakala mereka terpaksa menduduki rumah sewa. Hampir tiga suku gaji mereka dibelanjakan untuk perumahan sahaja.

Keadaan ini adalah amat menyedihkan. Kakitangan Kerajaan terpaksa mengalami kesempitan wang dan ini mengakibatkan gejala-gejala buruk seperti rasuah, penipuan dan penyelewengan oleh kakitangan Kerajaan yang terlibat.

Dalam aspek ini saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan memansuhkan faedah ke atas pinjaman perumahan kakitangan kakitangan Kerajaan di mana projek perumahan mereka itu terbengkalai. Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan memansuhkan faedah ke atas pinjaman ini secara mendalam kerana lebih kurang 40,000 orang kakitangan Kerajaan sedang menderica akibat terbengkalai projek perumahan di mana raereka membeli rumah itu. Kerajaan juga haruslah menjadi contoh kepada sektor kewangan swasta supaya sektor- kewangan swasta juga dapat mansuhkan faedah atas pinjaman individu dari institusi-institusi kewangan. Kerajaan hendaklah mengambil langkah menjamin keselamatan kakitangan Kerajaan dengan memberi segala bantuan kepada mereka agar mereka dapat memiliki rumah yang diidamkan oleh mereka.

Dalam aspek ini juga saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk mengadakan satu tabung khas sejumlah \$300 juta untuk menghidupkan semula projek-projek terbengkalai di negara ini. Saya sedar Kerajaan bersimpati dengan pembeli-pembeli rumah di projek-projek terbengkalai. Tabung Khas berjumlah \$300 juta itu pasti akan membantu peraaju-pemaju perumahan yang benar-benar kesempitan wang

untuk mendapat bantuan dari tabung ini untuk menghidupkan semula projek-projek mereka. Akan tetapi, Kerajaan haruslah berwaspada agar hanya pemaju-pemaju yang bona fide sahaja diberi bantuan. Kerajaan haruslah mengkaji setiap kes dengan teliti sebelum memberi bantuan. Kita tidak mahu melihat satu situasi di mana pemaju-pemaju yang tidak jujur menipu Kerajaan sekali lagi dengan mendapat bantuan serta cabut lari sekali lagi. Kerajaan hendaklah memberi khas Kepada projek-projek perumahan yang terbengkalai yang sedang berada di dalam receivership. Projek-projek di dalam receivership adalah senang untuk diurus dan saya berharap Kerajaan hendaklah mulakan tabung ini dengan menghidupkan semula projek-projek terbengkalai yang berada dalam receivership.

Selepas ini Kerajaan hendaklah berwaspada dan berjaga-jaga agar pemaju-pemaju perumahan tidak berpeluang menipu lagi pembeli-pembeli rumah. Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk memperketatkan lagi Akta Peraaju Perumahan dan hendaklah juga raempercepatkan Housing Project Account Regulation agar pemaju mempunyai akaun yang berasingan bagi tiap-tiap projek. Dengan adanya Akta-akta ketat begini saya yakin projek-projek perumahan tidak akan terbengkalai.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pembeli-pembeli rumah di projek-projek terbengkalai beberapa tahun supaya menggunakan hak mereka untuk menuntut ganti rugi supaya ada polisi give and take agar projek yang terbengkalai dapat disempurnakan tanpa sebarang gangguan derai kepentingan kedua-dua pihak.

Dengan harapan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1990. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

Timbalan Tang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

5.50 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta bercakap tentang Rang Undang-undang ini dan menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 ini.

Mungkin ada benarnya bahawa projek-projek terbengkalai adalah disebabkan pemaju-pemaju perumahan itu sendiri oleh kerana berkehendakkan kekayaan yang cepat dan sebagainya. Tetapi Kerajaan harus sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan itu juga mempunyai masalah mereka bukan dengan fikiran hendak menipu orang ramai, menipu kakitangan Kerajaan dan sebagainya seperti ada tuduhan-tuduhan yang dibuat. Tetapi sebenarnya masalahnya adalah pusingan kewangan yang begitu ketat pada masa-masa yang lalu dan juga kepada kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman ini untuk mendapat wang pusingan daripada bahagian perumahan ini amatlah susah sekali. Jika satu-satu masalah dikemukakan kepada Kerajaan, biasanya tiap-tiap pemaju perumahan itu dapat menyelesaikan pada satu perjumpaan dengan pegawai yang berkenaan dengan membuka di antara dua dengan tiga buah fail sahaja. Ini adalah disebabkan oleh kerana agaknya pegawai itu begitu sibuk sekali tidak dapat melayan semua pemaju-pemaju perumahan pada satu masa yang serentak.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengambil perhatian yang berat perkara seumpama ini, janganlah menuduh pemaju-pemaju ini secara langsung tetapi jika bilangan kakitangan Kerajaan di bahagian yang tersebut agak kurang,

maka seharusnya Kerajaan mengarabil berat untuk menambahkan kakitangan di Jabatan yang berkenaan. Jika Kerajaan dengan niat yang baik hendak meluaskan pinjaman ini kepada semua kakitangan Kerajaan di semua peringkat maka bahagian pengimplementasinya hendaklah dijaga dan dituruti kehendak-kehendak pemaju-pemaju perumahan ini.

Saya bersetuju terhadap langkah-langkah dan cadangan-cadangan yang disuarakan oleh sahabat-sahabat saya tadi supaya faedah terhadap pinjaman pada projek-projek terbengkalai ini tidak dikenakan. Pengumuman rasmi belum lagi kita dengar daripada Kerajaan dan pada hari ini saya harap Kerajaan akan dapat memberitahu secara rasmi bahawa faedah-faedah tidak akan dikenakan langsung terhadap pinjaman daripada projek-projek yang terbengkalai ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan hendak meluaskan pinjaman ini kepada semua kakitangan Kerajaan termaauk di negeri-negeri, saya ingin bertanya kepada Kerajaan bahawa baru-baru ini kita ada dengar ada kakitangan Kerajaan yang tidak mahu mengikuti arahan-arahan (directives) dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur ini. Jika ini benar berlaku, saya fikir kakitangan yang hendak membuat pinjaman hendaklah orang-orang yang benar-benar mahu mengikuti arahan Kerajaan di semua peringkat. Kalau tuduhan ini benar bahawa ada kakitangan Kerajaan yang tidak mengikuti arahan-arahan Kerajaan Pusat, maka saya agak permohonan mereka itu haruslah ditolak ataupun sekurang-kurangnya ditambah-tambahkan sehingga mereka sedar bahawa setelah membuat permohonan mereka juga sepatutnya patuh kepada segala arahan-arahan yang dikeluarkan oleh

pihak Kementerian terhadap mereka. Jika ada masalah-masalah kecil yang mereka susah hendak ikuti, saya agak Kerajaan mempunyai saluran-saluran yang tertentu supaya aegala pendapat, segala tuduhan, segala perkara-perkara yang mereka tidak puas hati itu dapat didengar oleh Kerajaan dan saya yakin Kerajaan akan sentiasa menimbangnyanya dan cuba hendak menyelesaikan masalah-masalah mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi. Ramai di antara kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam ini adalah orang-orang yang taatsetia kepada ibubapa mereka dan setelah mendapat pinjaman untuk rumah mereka sendiri, ramai di antara mereka suka supaya rumah keluarga mereka di kampung juga diubahsuai tetapi tidak ada kemudahan seumpama ini diberi oleh Kerajaan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan bolehkah agaknya kemudahan seumpama ini difikirkan supaya kemudahan-kemudahan untuk mengubahsuai rumah-rumah keluarga di kampung itu dapat dipertimbangkan dan diberi juga pinjaman istimewa kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang ingin hendak berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

5.56 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas kebenaran Dato dapat saya bersama-sama bercakap menyokong Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya amat wajar sangat Kerajaan mengadakan pindaan Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan ini untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telahpun berkhidmat dengan Kerajaan, juga Badan-badan Berkanun dan lain-lain daripada pekerja-pekerja yang ada dalam negara **ini**. Sebab sebagaimana yang kita maklum, Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan rakyat, Kerajaan yang kita telahpun memberitahu kepada seluruh rakyat adalah Kerajaan rakyat, dengan tujuannya kita mengadakan Kerajaan ini ialah semata-mata kerana hendak berkhidmat kepada rakyat.

Oleh hal yang demikian, tanggungjawab yang terkena ke atas Kerajaan ialah satu, soal pemakanan yang kedua, soal pakaian dan yang ketiga ialah soal perumahan. Ini adalah syarat bagi kehidupan rakyat yang ada di dalam sebuah negara dan inilah yang dikehendaki oleh Islam bahawasanya sesebuah Kerajaan mestilah mementingkan kepada kepentingan rakyat.

Dan inilah yang dikehendaki oleh Islam, yang dikehendaki oleh Islam bahawasanya sesebuah Kerajaan mestilah mementingkan kepada kepentingan rakyat. Mengikut pendapat seorang jaguh ulamak, iaitulah Imam Ghazali rahimahullah taala yang mana beliau berkata di dalam kitab Ihya Ulumiddin, karangan beliau, "pokok hidup manusia ialah empat, satu makanan, dua, pakaian, tiga, perumahan keempat, politik".Tanpa keempat-empat perkara ini manusia tidak mendapat kejayaan dan kemenangan dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, kita jangan silap, harapan orang-orang Islam, terutamanya ialah berbahagia dan kesenangan di akhirat nanti, iaitulah janji Tuhan, iaitu syurga Jannatunnaim. Itulah tempat kesudahan sebuah negara, sebuah kampung yang disediakan oleh Allah s.w.t. yang mana di dalamnya itu apa sahaja kehendak nafsu yang manusia mahu dapat dengan tidak payah bertungkus lumus dan berusaha sebagaimana di dalam dunia ini, tetapi kita mesti ingat, tidak dapat bahagia manusia dan tidak dapat kejayaan di akhirat tanpa kejayaan dunia. Umpama kita katalah kalau kita tidak ada makanan, kita manusia yang dijadikan berkeadaan begini kalau tidak masuk makanan di dalam rongga, jasad, tubuh, badan kita dan minuman, maka manusia tidak dapat bergerak, tidak dapat hendak memperabadikan diri kepada Allah s.w.t. tidak dapat hendak pergi masjid, tidak dapat hendak menolong orang, tidak dapat hendak memberi bantuan kepada orang, tidak dapat hendak berkhidmat, tidak dapat hendak bekerja, cumanya tidur sahaja atas 'lembek' sebagai orang sakit yang tidak lalu makan. Begitu juga manusia kalau sekadar kenyang sahaja tanpa pakaian, manusia tidak boleh hidup. Mesti berhajat kepada pakaian

tidak sebagai makhluk-makhluk yang lain. Kemudian pakaian ini adalah sejarah daripada Nabi Allah Adam a.s. sehingga sampai sekarang Allah taala turun berkodi-kodi kain, jenis kain baju corak begini daripada langit tidak ada sejarah.

Allah s.w.t. mengadakan segala bahan-bahan, mengadakan kapas, mengadakan kulit kayu, mengadakan bulu-bulu binatang atau begitu begini. Kemudian manusialah memikir cara mana supaya dapat menghilangkan sejuk tubuhnya dan menghilangkan panas tubuhnya, bagaimana cara hendak ambil daripada bahan-bahan yang disediakan di alam bumi ini, terpaksa kena mengadakan berbagai-bagai. Begitu juga manusia dengan ringkasnya, tidak hidup manusia kalau sekadar makan, berpakaian, tetapi tidak berumah, tidak ada tempat berteduh, yang renggang dengan tubuh mereka. Cuba kita makan kenyang, pakai baju begini, duduk cengah embun, tidak tahan tiga jam sahaja besok balik "berdoholah orang Kelantan kata 'berdohon maknanya bersin selsema, tidak boleh hendak bercakap, ertinya tidak sesuai.

Ini yang ketiga, yang keempatnya ialah politik. Politik yang dikehendaki yang membawa kepada keselamatan manusia dunia dan akhirat ialah politik yang menyebabkan manusia bersatu-padu dan berperasaan satu di antara sesama manusia, tidak berasa awak awak, saya saya, tidak perasaan satu yang memikir apa yang patut mereka memikr untuk diri mereka, maka mereka mesti memikir untuk orang lain. Politik ini politik yang mendatangkan manfaat kepada seluruh manusia, bahkan kepada seluruh makhluk haiwan dan segala makhluk-makhluk yang lain. Ini yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, sebab itulah saya

berani berkata dalara Dewan yang mulia ini, iaitulah amat wajar sekali kepada Kerajaan kita meminda Rang Undang-undang ini, semoga dapat memberi bantuan dengan seluas-luasnya kepada rakyat jelata yang berada di dalam negara kita. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya selain daripada kakitangan Kerajaan, saya fikir pihak Kerajaan patut memikir keadaan orang-orang, rakyat jelata yang difikirkan patut boleh memberi pinjaman sebagaimana kita memberi pinjaman kepada kakitangan Kerajaan dengan beberapa sebab dan alasan-alasan yang dapat kita mengembalikan kewangan kita daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kalau boleh dan saya fikir mungkin boleh, kita tahu kewangan yang ada pada kita di dalam negara kita dan tiap-tiap negara ada kita meminjam wang dari luar ataupun meminjam di dalam negeri. Kalau boleh patut sangatlah pihak Kerajaan supaya meringankan beban kakitangannya. Ambillah faedah itu sekadar apa yang dikena faedah ke atasnya sahaja dan sekadar kakitangannya, jangan kita menjadi satu agensi mencari kewangan, mencari keuntungan daripada faedah sambil kita menolong kita mendapat keuntungan. Saya rasa ini kurang senang sedikitlah pada pandangan saya sebab kita sudah tahu kakitangan dan anak-anak kita yang bekerja dan yang berkhidmat kepada kita seolah-olah mereka adalah jentera Kerajaan yang melaksanakan dasar Kerajaan. Tanpa mereka melakaanakan dasar Kerajaan, apa yang diputuskan dalam Dewan ini maka putus sahajalah, tidak dapat dilaksanakan.

Jadi, oleh hal yang demikian, amat wajar saya mengulangkan sekali lagi amat wajar kalau boleh atnbillah faedah sekadar apa yang dikenakan faedah ke atas kita, sebab ketnungkinan kalau sekadar itu, kemungkinan ada jalan sebabnya kita tidak mahu dan juga kita bimbang sebab kita takut terjadi ialah faedah atau bunga ini pun bukan sedap juga. Mengikut Islam kurang sedap dan adalah perkara yang tidak berapa dibenarkan.

Tetapi kalaa sekadar kakitangan bekerja kita ambil yang seperti itu, kemungkinan ada jalan dan meringankan beban kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada seluruh rakyat yang berada di dalam negara Malaysia ini, tidak kecuali apa bangsa, marilah sama-sama kita renung, marilah sama-sama kita meneliti dengan secara halus apakah kesalahan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang? Apakah kesalahan sehingga diura-ura, sehingga banyak parti-parti Pembangkang akan menumpas dalam pilihanraya ini? Apakah kesalahannya? Di mana kita ada mendengar rakyat kita berlapar? Di mana kita mendengar rakyat kita bertelanjang? Di mana kita mendengar rakyat kita duduk di tengah embon, tidak ada berumah, walaupun beratap kayu atau atap nipah? Di mana ada dalam Malaysia ini, rakyat kita Malaysia tidak terkecuali apa bangsa, yang dndnk di tengah embon, jawapannya tidak ada, boleh dikatakan tidak ada, barangkali kalau ada pun peratusnya satu per seribu pun barangkali tidak ada. Saya berani kata begitulah. Oleh hal yang demikian, marilah sama-sama kita berganding bahu semoga dapat kita sama-sama mempertahankan Kerajaan yang kita dokong selama 30 tahun lebih. Insya Allah kalaalah diizinkan oleh Ahllah s.w.t kemungkinan besar di hadapan nanti akan lebih cemerlang lagi cara pemerintahan, yang akan dijalankan oleh pemimpin-pemimpin di negara kita ini .

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian saya sekali lagilah menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya . Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan jawapan.

6.15 ptg.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih, pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang ini, iaitu Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak, dan juga yang akhir sekali sebentar tadi iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo berkenaan dengan kelewatan kita memproses permohonan-permohonan pinjaman ini, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan ini, dengan cara untuk melengkapkan lagi bahagian ini dengan komputer dan peralatan-peralatan lain yang boleh mempercepatkan proses menimbangkan permohonan-permohonan ini.

Yang keduanya, Jabatan ini juga akan menimbangkan untuk mengambil kakitangan-kakitangan sambilantuk mempercepatkan proses pertimbangan kita jika diperlukan, dan begitu juga penambahan kakitangan ini akan dibuat dari masa ke semasa jika keadaan memerlukan.

Yang Berhormat juga membangkitkan masalah rumah terbengkalai. Projek rumah terbengkalai dalam mana kakitangan Kerajaan ada yang meminjam, ada yang membeli rumah ini dan juga dalam masa yang sama

mendapatkan pinjaman perumahan. Perkara yang seumpama ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Dato Azumu Tak yang membangkitkan perkara yang sana.

Bahagian Pinjaman Perumahan memberi beberapa perkhidmatan bantuan am seperti berikut untuk mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka .

Yang pertama, bagi kes di mana pinjaman perumahan diluluskan dan seterusnya projek, tersebut telah terbengkalai, peminjam boleh memilih untuk meneruskan balik pinjaman perumahan itu di atas nama pinjaman yang telah dikeluarkan sahaja. Ini bermakna bayaran balik pinjaman perumahan mereka dikurangkan dan ini dapat meringankan beban kewangan mereka .

Kedua, peminjam juga boleh memohon untuk menggunakan baki pinjaman perumahan yang belum dikeluarkan bagi panbelian sebuah rumah lain yang telah siap dibina agar mereka tidak lagi membayar sewa rumah yang lain.

Yang ketiga, peminjam juga boleh memilih untuk membatalkan pinjaman perumahan mereka dan sebaik sahaja semua baki hutang diselesaikan, arahan potongan gaji diberhentikan dengan serta-merta. Selepas ini peminjam juga dibenarkan menggunakan kesemua kemudahan pinjaman perumahan untuk membeli sebuah rumah lain yang sesuai.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato Azumu Tak berkenaan dengan kenan faedah kepada projek-projek terbengkalai ini, Kerajaan belum lagi memutuskan tentang perkara itu.

Yang Berhormat Senator Dato Azumu Tak juga membangkitkan masalah pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak mengikat arahan dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi semua

kakitangan Kerajaan yang layak meminjan, mereka bolehlah mengemukakan permohonan dan permohonan mereka ini dipertimbangkan mengikut peraturan-peraturan dan jika sekiranya mereka layak, maka mereka akan diberikan pinjaman ini. Mengenai masalah antara kakitangan ini dengan Jabatan, masing-masing itu akan diuruskan mengikut peraturan-peraturan lain yang ada pada Kerajaan pada masa ini.

Yang akhir sekali ucapan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd Noor itu saya sungguh tertariklah mendengar ucapan itu dan saranan-saranan yang baik itu kita akan mengambil perhatian daripada ucapan Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan faedah yang dikenakan pada masa ini 4%, Yang Berhormat mencadangkan supaya kalau boleh janganlah Kerajaan mengambil untung pada pinjaman ini, kerana yang terlibat ialah anggota Kerajaan sendiri (kakitangan).

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan ini, kadar 4% ini adalah sangat rendah berbanding dengan kadar Kerajaan terpaksa bayar kepada kos untuk membiayai pinjaman ini. Ada masanya pinjaman ini terpaksa dikenakan kadar faedah 6%, 7% dan 8%, tengok keadaan di mana punca kewangan kita, dan Kerajaan memberikan pinjaman ini kepada kakitangan tetap pada kadar 4%, bermakna Kerajaan terpaksa subsidi 2% ataupun 3%. Jadi, bukan sahaja Kerajaan mengambil untung malahan Kerajaan rugi banyak dengan memberikan pinjaman ini, tetapi kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan moleklah, jadi dia tidak kira Kerajaan

kita memberi juga bantuan ini kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah memberikan khidmat dengan baik pada negara.

Taan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih .

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua menpengerusitan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAH TAMBAHAN (1989 DAN 1990)

Bacaan Kali Yang Kedua

6.20 ptg,

Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk makaud-makaud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,374,722,100 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1989

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1989 adalah berjumlah \$1,252,478,700. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:-

Sebanyak "\$1,250.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan.

Sebanyak \$2.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.28 - Perbendaharaan bagi membiayai bayaran

sewaan komputer, bekalan kertas komputer dan pita magnetik, penyelenggaraan komputer dan mesin penanda-tangan cek serta kos bagi mengubahsuai bilik komputer.

Butir-butir dan keterangan-keteratigan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat, 1989 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7A Tahun 1990.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1990

Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Kengurus Tambahan Pertama 1990 adalah berjumlah \$122,258,250. Akan tetapi jumlah yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini ialah sebanyak \$122,243,400. Ini ialah kerana perbezaan daripada jumlah tersebut sebanyak \$14,850 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Sebanyak \$93.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama bagi membiayai sumbangan Kerajaan kepada Majlis Timah Antarabangsa.

Sebanyak \$13.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan berikut:-

Sebanyak \$12.0 juta adalah untuk membiayai belanja mengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) yang telah dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada 1hb Oktober, 1989, dan

Sebanyak \$1,9 juta adalah sebagai bantuan khas Kerajaan kepada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia dan Majlis Dakwah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik.

Sebanyak \$10.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.27 Kementerian Luar Negeri untuk perbelanjaan berikut:-

Sebanyak \$8.5 juta untuk membiayai perbelanjaan Mesyuarat Kumpulan 15 yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 1hb hingga 3bb 1990, dan

Sebanyak \$1.5 juta adalah untuk membiayai pembelian kereta-kereta rasmi Perwakilan Malaysia di seberang laut bagi menggantikan kereta-kereta yang telah lama.

Sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud 5.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membiayai belanja mengurus Suruhanjaya Di Raja yang ditubuhkan untuk menyiasat kebakaran Sekolah Agama Yan Kedah dan lain-lain Sekolah Agama di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berbormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

